



**MODUL KOMPREHENSIF**

**BAHASA MALAYSIA  
KERTAS 2 STPM**

**MOHD ASIF MOHD ALWI  
RUSDAINI MOHAMED  
AHMAD ZAKIYON HJ. ISMAIL  
ESHAH YUSOFF**

**UNIT PENGURUSAN MODUL STPM  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN  
2009**

## 1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Melayu Kertas 2 (910/2) STPM terbahagi kepada empat bahagian yang merangkumi empat jenis tugasan, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

### 1.1 Bahagian A

Bahagian ini memberikan markah sebanyak 50 peratus. Oleh itu, calon perlu memberikan perhatian untuk mendapatkan skor yang tinggi dalam bahagian ini. Oleh hal yang demikian, beberapa aspek penting perlu diberi keutamaan dan tindakan oleh calon-calon untuk membina sebuah karangan yang mantap, berkesan, dan berkualiti.

### 1.2 Bahagian B

Soalan bahagian ini berbentuk merumuskan karangan. Markah yang diperuntukkan ialah sebanyak 20 markah. Calon perlu membuat rumusan terhadap petikan teks yang diberi dengan kepanjangan antara 170 hingga 200 patah perkataan atau satu pertiga daripada petikan asal (bergantung kepada arahan soalan)

### 1.3 Bahagian C

Tugasan yang perlu dibuat oleh calon dalam bahagian ini adalah mengalih bentuk teks yang diberi oleh soalan ke bentuk karangan biasa. Contoh-contoh teks yang diberi adalah seperti dialog (petikan drama atau novel/cerpen), petikan prosa klasik, iklan, undang-undang, puisi Melayu tradisional atau moden. Peruntukkan markah sebanyak 15 markah.

### 1.4 Bahagian D

Bahagian ini memberi tugasan berbentuk analisis kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberi. Calon-calon perlu mengenal pasti kesalahan, memberikan sebab kesalahan dan seterusnya membuat pembetulan. Peruntukan markah sebanyak 15 markah.

Sesebuah penulisan melibatkan penggunaan ayat-ayat yang akan membentuk satu wacana. Oleh hal yang demikian, perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada aspek sintaksis yang menjadi penentu sama ada baik atau buruknya sesebuah penulisan karangan.

## 2.0 BAHAGIAN A: KARANGAN

Pengujian bahagian ini bertujuan untuk menilai kebolehan calon dalam:

- a. Mengemukakan isi-isi yang relevan bagi tiap-tiap soalan karangan
- b. Menghuraikan dan merumuskan hujah-hujah dengan matang, lancar, dan berkesan
- c. Menyusun isi mengikut urutan yang sesuai
- d. Menyampaikan isi dalam bentuk wacana yang utuh
- e. Menggunakan bahasa yang betul, persis, dan sesuai

Karangan calon akan dinilai dari aspek:

- i. Kerelevanan
- ii. Pengolahan
- iii. Bahasa

### (a) Kerelevanan [21 markah]

Aspek ini mengandungi tiga bahagian, iaitu *pendahuluan*, *isi*, dan *kesimpulan*. Penilaian juga berdasarkan pendekatan soalan sama ada bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat. Jumlah markah yang diperuntukkan untuk ketiga-tiga bahagian adalah sebanyak 21 markah.

Markah Kerelevanan dibahagikan seperti berikut:

#### Pendahuluan:

3Tepat dan jelas Tahap	Markah	Kriteria
Sederhana Baik	2	Kurang tepat dan kurang jelas
Lemah	1	Tidak tepat / terlalu pendek / meleret-leret

#### Isi:

Baik	3	Isi tepat, huraian jelas, dan berfokus kepada isi utama
Sederhana	2	Isi masih tepat tetapi huraian kurang jelas dan kurang berfokus kepada isi utama
Lemah	1	Isi dan huraian lemah

#### Penutup:

Baik	3	Baik dan menyakinkan
Sederhana	2	Kurang baik dan kurang menyakinkan

Lemah	1	Tidak menyakinkan, terlalu pendek
-------	---	-----------------------------------

**(b) Pengolahan [14 markah]**

Aspek pengolahan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:-

## i. Kesepaduan karangan

Kesepaduan karangan dinilai berdasarkan kekemasan jalinan isi dengan huraianya, jalinan isi dengan isi, jalinan perenggan dengan perenggan, dan jalinan ayat dengan ayat.

## ii. Binaan karangan

- ❖ Pendahuluan
- ❖ Isi
- ❖ Penutup/kesimpulan

Pengolahan karangan yang baik dan sempurna adalah didasari oleh aspek *koheren* dan *kohesi*. Dari aspek koheren, isi atau buah fikiran yang disampaikan hendaklah kemas dan teratur. Idea yang disampaikan pula memperlihatkan hubungan logikal yang padu antara ayat dengan ayat, dan antara perenggan dengan perenggan. Aspek kohesi pula berkaitan dengan ayat-ayat yang dibina yang menunjukkan kekukuhan tautan dari segi leksikal dan nahuan. Secara ringkasnya, apa-apa idea yang ditulis hendaklah disusun dengan kemas mengikut kesesuaian dan dan dihurai dengan jelas, terperinci, dan teratur. Di samping itu, ayat-ayatnya pula mempunyai kesinambungan dan pertautan selain bahasa yang baik dan betul serta gramatis.

Aspek pengiraan dan penilaian markah Pengolahan adalah seperti berikut:

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	13-14	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengolahan kemas daan teratur</li> <li>▪ Memperlihatkan tautan yang kukuh</li> <li>▪ Pemerengganan baik</li> </ul>
Baik	10-12	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengolahan masih kemas dan masih teratur tetapi ada bahagian yang tidak memperlihatkan koheren</li> <li>▪ Pemerengganan baik</li> </ul>
Sederhana	7-9	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemerengganan masih kemas tetapi aspek koheren dan kohesi kurang memuaskan</li> <li>▪ Pemerengganan masih baik</li> </ul>
Lemah	4-6	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengolahan kurang kemas dan tidak teratur</li> <li>▪ Koheren dan kohesi tidak memuaskan</li> <li>▪ Pemerengganan kurang baik</li> </ul>

Amat lemah	1-3	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pengolahan amat lemah</li> <li>▪ Tiada koheren dan kohesi</li> <li>▪ Pemerengganan lemah</li> </ul>
------------	-----	--

**(c) Bahasa [15 markah]**

Aspek bahasa diberi perhatian yang serius dalam penulisan karangan STPM. Setiap kesalahan sintaksis dan morfologi yang dilakukan oleh calon akan dikira dan dinilai. Markah bahasa yang dinilai adalah dari segi:

- i. Diksi – kata umum, istilah, dan peribahasa
- ii. Tatabahasa –
  - sintaksis (frasa dan ayat)
  - morfologi – imbuhan, kata ganda, dan kata majmuk
- iii. Aspek mekanis
  - Ejaan
  - Tanda baca

Penilaian markah bahasa adalah seperti berikut:

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	13-15	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kurang daripada 6 kesalahan sintaksis</li> <li>▪ Penggunaan bahasa lancar dan berkesan</li> <li>▪ Diksi tepat dan luas</li> </ul>
Baik	10-12	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 6-10 kesalahan sintaksis</li> <li>▪ Penggunaan bahasa masih lancar dan berkesan</li> <li>▪ Diksi masih tepat dan luas</li> <li>▪ Diksi tepat</li> </ul>
Sederhana	7-9	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 11-15 kesalahan sintaksis</li> <li>▪ Penggunaan bahasa masih baik</li> <li>▪ Diksi tepat</li> </ul>
Lemah	4-6	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 16-20 kesalahan bahasa</li> <li>▪ Penggunaan bahasa yang tidak lancar</li> <li>▪ Diksi ada yang tidak tepat dan terbatas</li> </ul>
Amat lemah	1-3	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ 21 dan lebih kesalahan sintaksis</li> <li>▪ Penggunaan bahasa amat tidak lancar</li> <li>▪ Diksi banyak tidak tepat dan terbatas</li> </ul>

Di samping itu, perkara yang perlu diberi perhatian oleh calon-calon STPM ialah jumlah perkataan yang perlu ditulis mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Jumlah perkataan yang mesti ditulis oleh calon adalah antara **650 hingga 700** patah perkataan. Peraturan ini hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan markah calon dipotong.

Dua akibat yang akan berlaku sekiranya peraturan ini dilanggar:

- i. Pengiraan markah hanya setakat 700 perkataan sahaja. Mana-mana isi yang ditulis melebihi 701 ke atas tidak akan dinilai. Akibatnya, calon akan kerugian markah isi dan kesimpulan
- ii. Sekiranya jumlah perkataan tidak mencukupi, penolakan markah adalah seperti berikut:
  - Jumlah perkataan antara **550 hingga 649**, ditolak 2 markah
  - Jumlah perkataan antara **450 hingga 549**, ditolak 4 markah
  - Jumlah perkataan **kurang 450**, ditolak 6 markah

## **ASPEK BAHASA DALAM PENULISAN KARANGAN STPM**

Penulisan karangan STPM sangat mementingkan aspek bahasa. Bahasa (ayat) yang ditulis perlu betul dan gramatis mengikut hukum nahu bahasa Melayu. Secara asasnya, ayat-ayat yang ditulis perlulah mengikut peraturan-peraturan berikut:

- mempunyai konstituen subjek dan predikat
- tidak terlalu panjang dan berbelit-belit (melebihi tiga klausa) – calon disarankan menulis ayat tidak lebih 15 perkataan dalam satu ayat.
- mematuhi struktur jenis-jenis ayat bahasa Melayu: ayat pasif, ayat songsang, ayat tanya
- penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat.

Kesalahan ayat yang sering dilakukan oleh calon dalam penulisan karangan meliputi perkara-perkara berikut:

- ayat tiada subjek
- ayat terlalu panjang dan berbelit-belit
- kesalahan frasa kerja transitif
- penggunaan penanda wacana yang kurang tepat

Contoh-contoh kesalahan ayat dalam penulisan:

### (a) ayat tiada subjek

1. Di samping itu, mengadakan kerjasama antara pihak swasta untuk menganjurkan kuiz patriotisme.
2. Bagi yang di sekolah rendah, mereka perlu tahu maksud patriotisme.
3. Melalui itu kita dapat mengetahui tentang cara pemerintah dan pentadbiran negara kita
4. Oleh itu, mencegah lebih baik daripada merawat.
5. Antaranya ialah A. Samad Said, Norhayati Ibrahim dan lain-lain lagi.
6. Oleh itu, ini menyebabkan salah satu sebab golongan siswazah kurang menceburkan diri dalam bidang...
7. Begitu juga kepada pelajar.
8. Antara aktiviti sukan dan riadah yang biasa dilakukan seperti berjoging, senamrobik, bola tampar, bola jaring, bola baling, bola sepak, sepak takraw dan badminton.

\*Nota:

- Penanda wacana bukanlah sebahagian daripada ayat (klausa) serta tidak menjadi inti kepada frasa yang membentuk subjek ayat. Oleh hal yang demikian, setiap ayat yang menggunakan penanda wacana seperti, *selain itu, di samping itu, oleh itu, namun begitu* dan sebagainya harus mengandungi frasa subjek dan diikuti oleh frasa predikat untuk menjadikan sesebuah ayat itu gramatis. Contoh ayat 1 di atas sepatutnya ditulis dengan cara berikut:
  - *Di samping itu, pihak kerajaan perlu mengadakan kerjasama antara pihak swasta untuk menganjurkan kuiz patriotisme.*

### (b) ayat tanya sebagai ayat penyata

1. Hal ini bertujuan agar mereka faham tentang maksud patriotisme dan **bagaimana** menanam semangat itu dalam diri mereka.
2. Mereka juga tidak tahu **bagaimana** untuk menjaga imej negara.
3. Hal ini bagi memastikan setiap rakyat dalam negara ini sedar dan tahu **apa** makna sebenar patriotisme.

### (c) kesalahan penulisan penanda wacana

1. Hal ini kerana, kebiasaan program-program ini memerlukan masa yang lama untuk menjayakannya dan hasil yang diperolehi amat membanggakan.
2. Namun, terdapat satu perkara yang semakin hilang dalam diri setiap rakyat Malaysia terutama golongan muda, iaitu semangat patriotisme.
3. Ini kerana, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mempunyai keunikan dan keasliannya yang tersendiri berbanding mata pelajaran lain yang dipelajarinya.

### (d) kesalahan-kesalahan lain

1. Misalnya melalui Program Latihan Khidmat Negara yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan, mampu melahirkan remaja yang berwawasan dan memiliki patriotisme yang tinggi.
2. Bak kata pepatah, pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa mati.
3. Misalnya gotong-royong membersihkan dewan, aktiviti atau program hari keluarga akan mewujudkan satu semangat kerjasama antara kaum di kawasan tersebut.
4. Seperti yang kita ketahui, aktiviti sukan dan riadah ini sebenarnya mempunyai banyak kepentingan bukan sahaja terhadap individu malah terhadap masyarakat juga.

5. Justeru itu, kita haruslah menyahut seruan kerajaan bagi membantu kerajaan secara fizikal mahupun mental untuk menjadikan negara kita ini aman dan bersih.
6. Seterusnya, faktor lain mengapa golongan siswazah kurang berminat dalam bidang pertanian adalah kerana tanggapan siswazah bahawa mereka memerlukan kebebasan bersosial.
7. Secara tidak langsung ia dapat memperkenalkan Malaysia sebagai negara berasaskan pertanian dan sekaligus dapat menjana ekonomi negara.
8. Tetapi, hanya mereka yang bersifat berani, bijak dan cekal sahaja yang mampu untuk berdiri dengan teguh dalam bidang ini.
9. Misalnya, permainan kuda kepang jarang sekali dipersembahkan kepada khalayak ramai dan ini sedikit sebanyak melontarkan identiti masyarakat Melayu sebagai sebuah bangsa yang kaya dengan pelbagai khazanah seni.
10. Malah, terdapat segelintir siswazah yang tidak pandai berdikari dan sentiasa ingin bersama ibu bapa mereka.
11. Jadi, mereka tidak mahu tinggal di kampung dan tinggal berasingan dengan keluarga mereka.

## 2.1 Skop Penyoalan

### 2.1.1 Jenis Karangan

Terdapat empat jenis karangan seperti yang nyatakan dalam sukatan pelajaran, iaitu:

- i. Rencana
- ii. Laporan
- iii. Ceramah/syarah/ucapan/pidato
- iv. Memorandum

### 2.1.2 Bidang tajuk

- |   |  |
|---|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> ekonomi             | <input checked="" type="checkbox"/> kemanusiaan dan kemasyarakatan |
| <input checked="" type="checkbox"/> politik             | <input checked="" type="checkbox"/> sastera                        |
| <input checked="" type="checkbox"/> pendidikan          | <input checked="" type="checkbox"/> sejarah                        |
| <input checked="" type="checkbox"/> sukan               | <input checked="" type="checkbox"/> geografi                       |
| <input checked="" type="checkbox"/> bahasa              | <input checked="" type="checkbox"/> hal ehwal wanita/remaja, dll.  |
| <input checked="" type="checkbox"/> seni/budaya         |  |
| <input checked="" type="checkbox"/> sains dan teknologi |  |

### 2.1.3 Bentuk tugas

- bincangkan
- huraikan
- jelaskan
- beri ulasan / pandangan / pendapat
- beri cadangan

- beri penilaian
- bahaskan

## 2.2 Panduan dan Teknik Penulisan Karangan

### 2.1.1 Proses Penulisan

- a) Membuat perancangan
- b) Menganalisis soalan
- c) Menyenaraikan isi karangan
- d) Menyesuaikan isi karangan

### 2.1.2 Menulis Karangan

- a) Pendahuluan – gambaran isi karangan
- b) Menyampaikan isi – kejelasan
- c) Penutup – menyimpulkan isi

### 2.1.3 Membuat Semakan

Ayat, diksi, ejaan, tanda baca, dan aspek tatabahasa yang lain

#### a) Proses Menganalisis Soalan

Sebelum sesebuah penulisan karangan dibuat, seseorang calon hendaklah membuat perancangan yang teliti. Soalan yang telah dipilih untuk dijawab hendaklah dianalisis terlebih dahulu supaya tidak berlaku penyelewengan isi sewaktu menulis karangan. Calon perlu mengetahui bahawa setiap soalan yang dikemukakan mengandungi tiga perkara asas, iaitu **isu atau tema**, **kehendak soalan**, dan **format soalan**. Ketiga-tiga aspek inilah yang perlu diperhatikan oleh calon semasa membuat proses ini.

Dalam pelaksanaan proses ini, calon boleh menandakan ketiga-tiga aspek tersebut pada kertas soalan supaya mudah dikenal pasti. Contoh cara menganalisis soalan adalah seperti di bawah:

Contoh 1:

*Usaha menyuburkan **tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak** untuk meningkatkan budaya ilmu mesti dipergiat secara berterusan. Bincangkan langkah-langkah yang dapat diambil untuk menyemai minat membaca dalam kalangan mereka. (STPM 2002)*

Contoh 2:

*Sebagai seorang **tokoh ekonomi**, anda telah diundang untuk menyampaikan satu ceramah tentang **cara-cara Malaysia menghadapi masalah kemelesetan ekonomi**. Sediakan teks ceramah tersebut. (STPM 2005)*

Contoh 3:

*Kerajaan bercita-cita menjadikan **Malaysia sebuah pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini**. Bagi mencapai matlamat tersebut, banyak **usaha yang telah dijalankan**, terutama oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada pendapat anda, **dapatkah hasrat tersebut dicapai?** Kemukakan hujah untuk menyokong pendapat anda itu. (2005)*

Berdasarkan analisis soalan yang dibuat pada ketiga-tiga soalan di atas, kita dapat mengenal pasti tiga aspek penting seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Analisis tersebut dapat diringkaskan seperti berikut:

Contoh soalan 1:

Isu/tema : Tabiat membaca dalam kalangan kanak-kanak  
Kehendak : Langkah untuk menyemai minat membaca  
Format : Perbincangan

Contoh soalan 2:

Isu/tema : Ekonomi  
Kehendak : Kesan negatif  
Format : Perbincangan

Contoh soalan 3:

Isu/tema : Pusat kecemerlangan ilmu  
Kehendak : Usaha yang telah dijalankan dan pencapaiannya  
Format : Penghujahan

b) Membina Pendahuluan

Sesebuah pendahuluan karangan yang cemerlang mengandungi tiga perkara asas, iaitu:

Isu/tema soalan

Definisi / konsep / gambaran umum (sejarah, perkembangan, statistik/perangkaan/ccontoh kes;

**dan/atau**

\*Pendirian penulis terhadap pernyataan soalan [sekiranya soalan berbentuk "Sejauh manakah... atau "Bersetujukah

**PERINGATAN!!**

*Jangan mencampur aduk isi dalam pendahuluan*

*Mesti ada kohesi dan koheren (gunakan penanda wacana)*

*Anggaran jumlah perkataan: 80 hingga 90 patah perkataan*

*Jangan salin 100 peratus pernyataan soalan untuk menulis pendahuluan sebaliknya ambil isu dalam pernyataan soalan dan ulaskan isu tersebut ataupun kaitkan pernyataan soalan dengan ulasan anda.*

*Berfungsi memberi gambaran atau pengenalan tentang keseluruhan isi karangan yang akan dibincangkan.*

Calon-calon juga boleh memanfaatkan input-input seperti berikut untuk mengukuhkan pendahuluan:

Contoh kes

Statistik

Cogan kata

Peribahasa

Pendapat tokoh yang berwibawa

Cadangan cara menulis pendahuluan

- Ayat 1: Tulis satu kenyataan tentang isu  
Ayat 2: Huraikan/ulaskan isu (timbulkan persoalan, jawab guna penanda wacana)  
Ayat 3: Huraikan / ulaskan isu (timbulkan persoalan) + contoh (jika perlu)  
Ayat 4: Huraikan / ulaskan isu(timbulkan persoalan) + contoh (jika perlu)  
Ayat 5: Tulis kehendak soalan dalam bentuk ayat penyata

Contoh binaan pendahuluan:

**1. Isu + kehendak: Cadangan untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan anak-anak**

**(Isu/Tema):** *Tabiat gemar membaca amat penting, terutama dalam era kesejagatan kini. (Definisi/Konsep/Gambaran):* Berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan sains, sejarah, bahasa, agama, dan isu semasa terdapat dalam bahan bacaan. **(Pendapat):** Pembaca bukan sahaja dapat mengetahui perkara yang berlaku di sekeliling mereka, malah menyedari peristiwa yang berlaku di luar lingkungan tempat tinggal mereka. **(Penyataan kehendak soalan):** Memandangkan tabiat membaca amat penting, usaha yang berkesan perlu dilakukan, terutama yang melibatkan anak-anak kerana peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa **(Maklumat sokongan-Peribahasa)** melentur buluh biarlah dari rebungunya.

**2. Isu + kehendak: Faktor kemalangan jalan raya dan langkah mengatasinya**

**(Isu/Tema):** *Media massa tempatan kerap melaporkan berita mengenai kemalangan jalan raya di negara ini. (Definisi/Konsep/Gambaran):* Kadar kemalangan pula ternyata semakin meningkat dari setahun ke setahun. **(Pendapat):** Perkara yang menyedihkan kita ialah kadar kemalangan jalan raya di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Oleh sebab itu, ada sesetengah pihak yang menyatakan bahawa jalan raya telah menjadi pembunuh utama rakyat negara ini. **(Penyataan kehendak soalan):** Fenomena ini memperlihatkan bahawa jalan raya di Malaysia seolah-olah tidak selamat digunakan. Mengapakah perkara ini berlaku?

**Contoh Pendahuluan Calon (Tahap Baik – 3 Markah)**

**Contoh Pendahuluan 1**

**Soalan:** *Kegiatan seni budaya tradisional kini semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara ini. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut.*

Dewasa ini, kegiatan seni budaya tradisional di negara kita tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat. Kegiatan seni ini semakin kian dilupai oleh generasi muda. Kegiatan seni budaya tradisional di negara kita bukan merujuk kepada kegiatan seni masyarakat Melayu sahaja tetapi termasuklah masyarakat Cina dan India. Kegiatan seni budaya ini boleh dikategorikan kepada permainan tradisional, tarian tradisional, seni mempertahankan diri, seni tenunan, kraf tangan, dan juga ukiran. Kegiatan-kegiatan tersebut merupakan kegiatan seni masyarakat dahulu. Pada zaman tersebut kegiatan-kegiatan seni budaya menjadi sumber pendapatan masyarakatnya untuk menampung kehidupan. Walaubagaimanapun, kegiatan seni budaya tradisional semakin pupus di telan zaman. Banyak faktor yang menjadi penyebab wujudnya keadaan sedemikian. (105 perkataan)

Penilaian/ulasan:

Ayat 1: Calon menyatakan isu/tema seperti yang diminta oleh soalan

Ayat 2-5: Calon menyatakan perkembangan dan latar belakang serta konsep isu (kegiatan seni budaya) termasuk contohnya dengan jelas

Ayat 6: Calon memberi pernyataan kehendak soalan dengan jelas

### **Contoh Pendahuluan 2**

**Soalan 2:** *Penggunaan racun makhluk perosak dengan tidak mengikut peraturan boleh membawa kesan buruk. Bincangkan kesan buruk itu dan berikan cadangan untuk mengatasi masalah penggunaan racun makhluk perosak tanpa mengikut peraturan.*

Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi telah menemui cara untuk menghapuskan makhluk perosak melalui penyelidikan dan pembangunan. Kini, penggunaan racun makhluk perosak telah digunakan secara meluas dalam sektor pertanian terutamanya untuk tanaman komersial seperti padi, kelapa sawit, getah dan sebagainya. Penggunaan racun ini penting untuk menghapuskan serangga perosak yang boleh menjejaskan hasil tanaman yang diusahakan. Lazimnya, racun ini boleh didapati dalam bentuk cecair dan kaedah semburan dilakukan terhadap tanaman. Namun begitu, penggunaan racun makhluk perosak dengan tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan boleh membawa kesan negatif sama ada kepada alam sekitar mahupun manusia itu sendiri.

(95 perkataan)

Penilaian/ulasan:

Ayat 1-2 Calon menyatakan isu/tema seperti yang diminta oleh soalan serta contoh

Ayat 3-4: Calon menyatakan latar belakang serta konsep isu (berkaitan kegunaan racun makhluk perosak)

Ayat 5: Calon memberi/mengulas pernyataan isu dan kehendak soalan dengan jelas

### **Contoh Pendahuluan 3**

**Soalan:** *Gejala sosial dalam kalangan remaja semakin membimbangkan banyak pihak. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja? Bincangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.*

Sejak kebelakangan ini, masalah sosial dalam kalangan remaja semakin berleluasa dan semakin hangat diperkatakan oleh masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan, apabila media cetak dan media elektronik sering kali memaparkan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja. Antara masalah sosial yang sering dikaitkan dengan golongan remaja adalah seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, lumba haram dan sebagainya. Sekiranya masalah-masalah ini tidak ditangani dengan segera, keadaan ini akan mendatangkan implikasi yang buruk kepada negara. Hal ini demikian kerana golongan remaja merupakan peneraju masa depan negara. Masalah ini terjadi kerana terdapat pelbagai faktor pendorong. Oleh itu, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk mengatasinya. (100 perkataan)

Penilaian/ulasan:

Ayat 1: Calon menyatakan isu/tema seperti yang diminta oleh soalan

Ayat 2-5: Calon menyatakan/mengulas perkembangan/latar belakang/penegasan terhadap idea pokok dan contoh isu (pendapat yang berkaitan dengan isu)

Ayat 6-7: Calon memberi/mengulas pernyataan isu dan kehendak soalan dengan jelas

### **Contoh Pendahuluan Calon (Tahap Lemah- 1 Markah)**

#### **Contoh 1**

**Soalan:** *Penggunaan racun makluk perosak dengan tidak mengikut peraturan boleh membawa kesan buruk. Bincangkan kesan buruk itu dan berikan cadangan untuk mengatasi masalah penggunaan racun makhluk perosak tanpa mengikut peraturan.*

Tidak dapat disangkal bahawa penggunaan racun makhluk perosak dengan tidak mengikut peraturan boleh mendatangkan implikasi negatif kepada manusia mahupun alam sekitar. Racun serangga digunakan untuk mengawal serangan makhluk perosak seperti rumpai, belalang, kulat dan tikus di ladang-ladang getah, kelapa sawit dan sawah padi. Selain itu, para petani dapat mengelakkan kerugian akibat kerosakan pada tanaman melalui penggunaan bahan tersebut. (58 perkataan)

Penilaian/ulasan :

- Ulasan isu terlalu pendek / tidak jelas
- Penegasan soalan tiada.

## **Contoh 2**

**Soalan:** *Perpaduan amat penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum seperti Malaysia. Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan penduduk di negara ini melalui sistem pendidikan.*

Perpaduan amat penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum seperti Malaysia. Di Malaysia, terdapatnya kaum india, kaum cina, kaum melayu dan lain-lain kaum. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk di negara ini terutamanya melalui sistem pendidikan. (43 perkataan)

Penilaian/ulasan :

- Ulasan isu terlalu pendek / tidak jelas
- Tiada ulasan konsep/gambaran/latar belakang isu
- Ada penegasan/kehendak soalan

## **Contoh 3**

**Soalan:** *Kestabilan politik dan kecekapan pengurusan dan pentadbiran negara telah menyebabkan kepesatan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam pelbagai bidang. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?*

Negara kita Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dalam senarai negara dunia. Pembangunan secara berterusan ini mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dan ini menyebabkan peralihan perhatian sesetengah negara kepada negara kita. Sejak pencapaian kemerdekaan pada tahun 1957 negara kita telah mengorak langkah dalam pelbagai bidang sebaris dengan negara-negara maju. Namun, zaman pemerintahan Tan Sri Mahathir Muhathir telah membawa pembaharuan yang begitu ketara hingga negara kita ke ambang kemajuan. Dengan ini, pelbagai kepentingan telah memainkan peranan yang signifikansi dalam kepesatan kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam pelbagai bidang. Hasrat sebegini perlu diteliti agar negara kita dapat mencapai visi dan misi pada masa akan datang. (101 perkataan)

Penilaian/ulasan :

- Ulasan isu tidak relevan / tidak jelas/ meleret - leret
- Penegasan terhadap idea pokok / kehendak soalan tidak ada.
- Jumlah perkataan 99 patah.

Nota:

\* Contoh di atas diambil sepenuhnya daripada hasil penulisan pelajar tanpa disunting.

\* Penilaian

**Masalah Universal Dalam Penulisan Karangan BM 2 STPM  
(Laporan Majlis Peperiksaan Malaysia)**

Calon tidak dapat mengemukakan isi yang relevan  
Huraian isi adalah dangkal  
Banyak kesalahan struktur ayat

c) Membina dan menyampaikan isi

Sebelum memulakan sesebuah penulisan, calon-calon perlu mengetahui dan memahami sifat atau ciri-ciri khusus sesebuah penulisan:


- i. Karangan merupakan sebuah wacana, iaitu kesatuan buah fikiran atau penyatuan idea yang disusun secara logik dan berkaitan antara satu dengan yang lain.
- ii. Binaan perenggan:
  - \* Konsep perenggan berkaitan dengan adanya satu kesatuan fikiran. Setiap perenggan mesti berisi **satu** perkara tertentu yang dijelaskan dengan menggunakan beberapa ayat.
  - \* Perenggan mestilah dapat menggambarkan suatu fikiran atau fakta utama yang dikembangkan dengan isi sokongan termasuk alasan, bukti, huraian, statistik, atau contoh.
  - \* Setiap perenggan mengemukakan **satu isi** sahaja.
  - \* Dalam setiap perenggan perlu mengandungi **ayat judul/isi, ayat sokongan, dan ayat kesimpulan**;


↳ ayat judul ialah ayat yang menyatakan isi yang hendak disampaikan dan bersifat umum. Ayat judul ini harus dihuraikan dengan lebih mendalam dan terperinci oleh ayat sokongan.

↳ Oleh itu, ayat sokongan akan memperincikan sesuatu ayat judul dan mengawal idea yang hendak dinyatakan. Umumnya, ayat sokongan terdiri daripada *bukti, fakta, kes, contoh, statistik* dan sebagainya yang bertujuan mengukuhkan ayat judul.

↳ Ayat kesimpulan pula merupakan penegasan terhadap ayat judul.

Untuk membina isi sokongan, pelajar perlu menimbulkan beberapa persoalan dan jawapan kepada persoalan tersebut yang juga merupakan idea sokongan kepada isi yang dikemukakan.





Contoh aplikasi 1:

Isu : Pencemaran alam sekitar

Kehendak : Langkah mengatasi

**Ayat 1 (Ayat judul):**

**(Apa?)** Penguatkuasaan undang-undang ialah langkah yang terbaik bagi menangani pencemaran alam sekitar di negara ini.

**Ayat 2 (Ayat sokongan/huraian):**

**(Siapa?)** Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar perlu **(Bagaimana?)** membuat pemantauan ke kilang-kilang perindustrian **(Mengapa?)** untuk memastikan bahawa kilang-kilang tersebut tidak membuang asap atau sisa toksik sewenang-wenangnya.

**Ayat 3 (Ayat sokongan/huraian):**

**(Bagaimana?)** Pihak yang berkuasa hendaklah mengenakan hukuman yang sewajarnya sekiranya terdapat kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan.

**Ayat 4 (bukti/ccontoh):**

**(apa/bagaimana?)** Misalnya, lesen operasi mereka boleh digantung sekiranya mereka didapati bersalah mencemarkan alam sekitar.

**Ayat 5 (ayat kesimpulan):**

**(Mengapa?)** Langkah sedemikian bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada semua pihak tentang betapa pentingnya alam sekitar yang bersih untuk memastikan kehidupan yang sejahtera.

Contoh aplikasi 2:

**(Usaha/langkah)** Salah satu usaha menanam minat membaca dalam kalangan remaja ialah peranan ibu bapa sendiri. **(Huraian: Mengapa?)** Pada peringkat awal tumbesaran seorang kanak-kanak, ibu bapa merupakan model yang paling dekat. **(contoh: Bagaimana?)** Ini bermakna, sejak kecil lagi, misalnya seusia tiga tahun, ibu bapa boleh mendedahkan mereka dengan bahan bacaan yang sesuai, bukan hanya permainan-permainan seperti kereta, anak patung, dan sebagainya. **(Bagaimana?)** Ibu bapa seharusnya memberikan galakan dengan menyediakan bahan-bahan bacaan di rumah dengan pelbagai jenis buku. **(Bagaimana?)** Ibu bapa juga mestilah turut membaca

buku-buku atau majalah pada waktu senggang (**mengapa?**) supaya anak-anak dapat mencontohi mereka seperti yang dikatakan dalam peribasa, “bapa borek anak rintik’. (**Bagaimana?**) Selain itu, anak-anak juga boleh dibawa ke pameran-pameran buku yang diadakan (**mengapa?**) untuk menambahkan perasaan minat mereka terhadap buku.

Untuk menghuraikan isi supaya menjadi sebuah wacana yang mempunyai kohesi dan koheren, calon-calon seharusnya mengaplikasikan penanda wacana yang tepat, berkesan, dan persis. Berikut merupakan pola ayat dan penanda wacana yang boleh digunakan untuk menulis/menghuraikan isi, mengemukakan contoh dan memberi penegasan isi:

**a. Untuk mengemukakan isi**

- Terdapat pelbagai faktor /sebab / punca berlakunya ... ( isi 1 )
- Salah satu punca berlakunya masalah ... ialah ... (isi 1)
- Selain / di samping faktor / sebab / punca di atas, ( isi 2, 3 , 4 , 5) ... juga menyebabkan berlakunya ...

**b. Untuk menghuraikan isi**

- Dalam hal ini...
- Perkara ini juga...
- Pada hakikatnya ...
- Hal ini demikian kerana ...
- Dengan kata lain,...
- Oleh hal yang demikian,...
- Namun begitu/ Namun demikian,...
- Hal ini dapat dibuktikan...
- Perkara ini ada kebenarannya...

**c. Untuk mengemukakan contoh**

- Sebagai contoh...(diikuti oleh ayat yang lengkap – *subjek + predikat*)
- ... misalnya / contohnya ... (diikuti oleh ayat yang lengkap – *subjek + predikat*)
- Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh ...

#### **d. Untuk penegasan isi**

- Memang jelaslah bahawa ...
- Jelaslah kepada kita bahawa
- Berdasarkan kenyataan ini, jelaslah ...
- Natiyahnya ...
- Tidak dapat disangkal lagi bahawa...

#### **Contoh Penulisan Calon (Tahap Baik – 3 Markah)**

##### **Contoh 1:**

**Soalan:** *Kegiatan seni budaya tradisional kini semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara ini. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut.*

Masyarakat juga kurang didedahkan dengan amalan dan didikan secara berterusan tentang seni budaya tradisional samada di sekolah mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi. Sesungguhnya, sekolah memainkan peranan penting dalam memberikan pendedahan kepada kanak-kanak dan remaja tentang seni budaya tradisional. Sikap pihak sekolah dan institusi pengajian yang bersikap acuh tidak acuh dalam memperkenalkan seni budaya tradisional menyebabkan seni tradisional ini tidak mendapat tempat dikalangan masyarakat. Kegiatan pembelajaran dan kokurikulum yang dijalankan hanya bersifat untuk membentuk kepimpinan remaja sahaja, jauh sekali untuk merangkumi aspek kemahiran dan pengalaman dalam bidang tarian atau permainan tradisional. Selain itu, pihak sekolah juga tidak menunjukkan minat untuk mengeluarkan bakat terpendam dikalangan remaja mahupun kanak-kanak dalam bidang tarian misalnya, kerana tiada pertandingan seni budaya tradisional dijalankan. Oleh itu, masyarakat semakin jauh dari seni budaya tradisional. (127 perkataan)

Penilaian/ulasan:

Ayat 1: Calon menyatakan idea/isi

Ayat 2-5: Calon menyatakan/mengulas idea dalam ayat 1: sebab/faktor dengan jelas dan terperinci + contoh

Ayat 6 : Penegasan terhadap idea/isi (akibat)

##### **Contoh 2:**

**Soalan:** *Kini, minat masyarakat Malaysia terhadap aktiviti sukan dan riadah semakin meningkat. Bincangkan aktiviti ini dalam kehidupan harian warga Malaysia*

Aktiviti sukan dan riadah penting dalam kehidupan harian kita. Ini kerana dengan adanya aktiviti sukan dapat menyihatkan tubuh badan kita dan membantu proses-proses pembakaran lemak di dalam

badan. Selain itu, dengan aktiviti bersukan kita juga dapat membuang bahan-bahan yang berbahaya di dalam badan kita. Contohnya seperti lemak yang berlebihan di dalam badan dapat disingkirkan atau dihapuskan dengan melakukan aktiviti bersukan seperti berjoging, bermain tenis ataupun melakukan aktiviti sukan yang lain. Semasa kita melakukan aktiviti sukan, lemak-lemak yang berlebihan dan air yang berlebihan di dalam badan dapat disingkirkan dengan pembakaran lemak di dalam badan semasa kita melakukan aktiviti sukan. Dengan ini membantu kita sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan tidak berbahaya. Kita juga dapat mengurangkan risiko penyakit berbahaya.

Penilaian/ulasan:

Ayat 1-2: Calon menyatakan idea/isi

Ayat 3-5: Calon menyatakan/mengulas idea dalam ayat 1&2: kepentingan sukan dan riadah (kesan aktiviti) dengan jelas dan terperinci + contoh

Ayat 6-7 : Penegasan terhadap idea/isi

### **Contoh 3**

***Soalan: Pihak kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk mengukuhkan patriotisme dalam kalangan rakyat negara ini. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab, jelaskan tindakan yang perlu dilakukan untuk memperkukuhkan patriotisme itu.***

Semangat patriotisme boleh di pupuk dalam diri setiap individu dengan mewujudkan kempen patriotik. Kempen ini bertujuan untuk menyedarkan rakyat tentang betapa pentingnya patriotisme dalam diri masing-masing. Dalam kempen ini kita boleh menjemput tokoh-tokoh merdeka mahu pun orang yang berpengalaman tentang negara bagi menceritakan sedikit sebanyak mengenai kepentingan patriotisme dalam diri. Selain itu, dalam kempen ini juga kita boleh mewujudkan kuiz patriotisme. Aktiviti seperti ini bertujuan untuk menilai sejauh mana semangat patriotisme yang ada pada individu tersebut serta melihat tahap pengetahuan mereka tentang negara mereka sendiri. Kempen seperti ini sebenarnya di tujukan khas oleh negara pada masa hadapan. Namun begitu, golongan tua dan kanak-kanak turut digalakkan menyertai kempen ini.

Penilaian/ulasan:

Ayat 1: Calon menyatakan idea/isi

Ayat 2-6: Calon menyatakan/mengulas idea dengan lebih lanjut dan terperinci + contoh: cara kempen

Ayat 7 : Penegasan terhadap idea/isi

### **Contoh Penulisan Calon (Tahap Lemah)**

#### **Contoh 1**

**Soalan:** *Minat golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan masih kurang membanggakan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan belia kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan? Jelaskan kesan yang timbul sekiranya fenomena tersebut gagal diatasi.*

Bidang keusahawanan juga memerlukan modal atau pelaburan yang banyak. Golongan belia yang menyedarinya iaitu apabila wang yang dilaburkan gagal menampung kos perniagaan, maka wang itu tidak akan kembali. Oleh sebab itu, golongan belia tidak mampu menahan bahang daripada faktor ini. Namun, mereka tidak sedar bahawa bantuan-bantuan kewangan yang dihulurkan oleh bank, agensi awam seperti MARA, dan sebagainya mampu untuk mengurangkan pelaburan sendirian. Justeru, golongan belia tidak perlu risau akan kehilangan pelaburan kerana bantuan-bantuan yang diberikan mampu membangkitkan golongan belia sebagai usahawan.

Penilaian/ulasan:

- Calon ada menyatakan isu/tema seperti yang diminta oleh soalan
- Huraian calon tidak memperlihatkan perkaitan (kohesi & koheren) dengan idea yang dikemukakan. Calon tidak memberi huraian lanjut secara jelas dan terperinci berkenaan idea yang dikemukakan tersebut.

## **Contoh 2**

**Soalan:** *Telefon bimbit kini semakin digemari oleh masyarakat tanpa mengira golongan. Jelaskan sebab alat ini menjadi pilihan ramai dan kesan yang timbul daripada penggunaannya.*

Sebab yang terakhir ialah pengaruh iklan syarikat komunikasi. Terdapat beberapa buah syarikat yang menyediakan perkhidmatan komunikasi di negara ini. Antaranya ialah Maxis, Celcom, Digi dan U Mobile. Kesemua syarikat ini sering kali bersaing antara satu sama lain bagi menarik perhatian pengguna untuk membeli produk mereka. Terdapat pelbagai cara atau kaedah yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat ini untuk mempengaruhi minat pelanggan. Misalnya, mereka menjanjikan kos paling minimum untuk setiap panggilan dan juga sms atau sms yang dihantar. Selain itu, pengaruh iklan syarikat telekomunikasi ini di media massa dilihat semakin agresif bagi menarik minat pembeli. Bagi pelanggan yang ingin menggunakan perkhidmatan mereka, setiap pelanggan perlulah memiliki telefon bimbit. Hal ini secara tidak langsung telah menggalakkan orang ramai untuk memiliki telefon bimbit.

(118 perkataan)

Penilaian/ulasan:

- Ada isi
  - Huraian isi terpesong / tidak menjurus kepada isi/ tidak relevan
  - Semantik kabur
- d) **Membina Penutup/Kesimpulan**

Penutup atau kesimpulan sering diambil mudah oleh calon. Ironinya, bahagian ini juga merupakan sebahagian aspek yang penting dalam sesebuah karangan. Bahagian penutup merupakan rumusan atau penegasan terhadap isi utama dan isi-isi yang telah dikemukakan. Melalui kesimpulan, pembaca seharusnya dapat menentukan pendirian penulis terhadap isu yang diperkatakan, di samping dapat menyakinkan pembaca atau pemeriksa. Selain itu, calon biasanya sering menggunakan penanda wacana penutup yang tidak sesuai dalam konteks bahasa Melayu. Sebagai contoh, calon sering menggunakan perkataan *intiha* dan *konklusi*. Perkataan tersebut sebenarnya tidak sesuai digunakan dalam konteks penutup karangan kerana maksudnya kurang tepat untuk menggambarkan penutup atau kesimpulan sesebuah karangan. Tambahan pula, dalam bahasa Melayu masih terdapat perkataan yang lebih sesuai dan tepat untuk digunakan sebagai penanda wacana penutup.

Calon-calon digalakkan menggunakan penanda wacana '*Kesimpulannya*' atau '*Rumusannya*' kerana lebih sesuai walaupun kata tersebut ialah perkataan biasa. Pada peringkat STPM, 'kecanggihan' kosa kata yang digunakan tidak menjamin markah yang tinggi. Dalam erti kata lain, tidak ada markah bonus untuk calon yang menggunakan kosa kata yang 'luar daripada biasa'.

Perkara-perkara penting yang perlu dimasukkan dalam bahagian ini ialah:

- i. Ulasan isu
- ii. Pendapat/cadangan/penilaian terhadap isi/idea yang diberi – ulasan ringkas (pandangan) dalam bentuk penambahbaikan
- iii. Harapan terhadap isu – bentuk kerjasama semua pihak

Secara ringkasnya, untuk membina penutup karangan, calon perlu:

Sentuh isu → ulas isi → beri pandangan/cadangan penulis + harapan

Contoh:

**Tajuk: Faktor pencemaran + langkah mengatasinya**

**(Isu)** Pencemaran alam sekitar tidak harus dipandang ringan.

**(Penanda wacana penutup)** *Kesimpulannya* **(Ulasan isi)** masalah ini berpunca daripada berbagai-bagai faktor, tetapi **(Pandangan)** sikap masyarakat yang tidak mengambil berat tentang penjagaan alam sekitar merupakan faktor utama. Berbagai-bagai langkah dapat dilakukan untuk mengatasi masalah ini, namun tanpa kesedaran semua pihak, gejala tersebut sukar ditangani. **(Cadangan)** Sehubungan dengan itu, usaha untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang masalah ini **perlu** ditingkatkan. **(Harapan)** Melalui kerjasama semua pihak, usaha yang dilaksanakan diharapkan membuahkan kejayaan.

**Cara menulis konsep kata/slogan**

Sekiranya calon ingin menggunakan slogan untuk mengakhiri bahagian penutup, calon harus menggunakan cara seperti di bawah.

Contoh:


.... Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

*'Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh'*

### **Cara menulis ungkapan /peribahasa**

Contoh:

*Sebagai kesimpulan, jelaslah kepada kita bahawa gejala sosial dalam kalangan remaja berpunca daripada pelbagai faktor. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk mengatasi gejala sosial dalam kalangan remaja. Masyarakat yang mengamalkan sifat individualistik bagai enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing-masing tidak akan membawa apa-apa keuntungan kepada ahlinya. Amalkanlah kehidupan yang mementingkan kerjasama, seperti kata pepatah bagai aur dengan tebing.*



### **STPM 2005**

1. Kini, minat masyarakat Malaysia terhadap aktiviti sukan dan riadah semakin meningkat. Bincangkan kepentingan aktiviti ini dalam kehidupan harian warga Malaysia.
2. Kerajaan bercita-cita menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini. Bagi mencapai matlamat tersebut, banyak usaha yang telah dijalankan, terutamanya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada pendapat anda, dapatkah hasrat tersebut dicapai? Kemukakan hujah untuk menyokong pendapat anda itu.
3. sebagai seorang tokoh ekonomi, anda telah diundang untuk menyampaikan satu ceramah tentang cara-cara Malaysia menghadapi masalah kemelesetan ekonomi.  
Sediakan teks ceramah tersebut.
4. Di negara-negara Dunia Ketiga, terutamanya di negara-negara yang masih miskin, gejala penggunaan buruh kanak-kanak berlaku secara berleluasa. Bincangkan kesan negatif yang timbul daripada gejala tersebut.

### **STPM 2006**

1. Kempen kitar semula yang telah dilancarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak Disember 2000 kurang mendapat sambutan daripada anggota masyarakat. Sebagai pegawai kementerian yang terlibat dengan kempen ini, anda telah dijemput menyampaikan ceramah kepada pelajar sekolah tentang kebaikan aktiviti kitar semula kepada masyarakat dan negara. Tulis teks ceramah itu selengkapnya.
2. Akhir-akhir ini jumlah penganggur dalam kalangan siswazah semakin meningkat sedangkan banyak bidang pekerjaan yang boleh diterokai oleh siswazah untuk memperoleh pendapat. Salah satu bidang yang dapat memberikan pendapatan yang lumayan ialah bidang pertanian. Walau bagaimanapun, kebanyakan siswazah kurang berminat menceburi bidang ini. Jelaskan sebab-sebab siswazah kurang berminat menceburi bidang pertanian.
3. Kini, stesen televisyen cenderung mengadapan rancangan hiburan yang bersifat realiti untuk menarik minat penonton. Rancangan sedemikian menimbulkan kesan negatif kepada penonton, terutama golongan remaja.

Sebagai pengerusi sebuah persatuan kebudayaan dan kesenian yang berpengaruh, anda diminta menghantar satu memorandum kepada Menteri Tenaga, Air, dan Komunikasi. Dalam memorandum tersebut, anda menyatakan kekesalan tentang

kesan negatif yang timbul daripada rancangan tersebut dan mengemukakan usul untuk menangani kesan negatif itu. Tulis memorandum tersebut selengkapnya.

4. Minat golongan belia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan masih kurang membanggakan. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan golongan belia kurang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan? Jelaskan kesan yang timbul sekiranya fenomena tersebut gagal diatasi.

### **STPM 2007**

1. Pihak kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk mengukuhkan patriotisme dalam kalangan rakyat negara ini. sebagai rakyat yang bertanggungjawab, jelaskan tindakan yang perlu dilakukan untuk memperkukuh patriotisme itu.
2. Gejala obesiti atau kegemukan dikatakan berpunca daripada amalan pemakanan yang tidak sihat. sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
3. Kegiatan seni budaya kini semakin tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di negara ini. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut.
4. Langkah Kementerian Pelajaran Malaysia memasukkan komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi para pelajar tingkatan satu hingga lima boleh memberikan kesan yang positif kepada pelajar. Jelaskan pernyataan ini.

### **STPM 2008**

1. Telefon bimbit kini semakin digemari oleh masyarakat tanpa mengira golongan. Jelaskan sebab alat ini menjadi pilihan ramai dan kesan yang timbul daripada penggunaannya.
2. Kerajaan telah berusaha untuk membanteras gejala rasuah, namun amalan yang telah berakar umbi dalam kalangan masyarakat ini masih wujud. Pada pendapat anda, mengapakah gejala rasuah perlu dibendung?
3. Bersempena dengan Kempen Pengguna Bijak yang dianjurkan oleh pihak kerajaan, anda telah terpilih mewakili daerah dalam pertandingan syarahan anjuran Jabatan Pelajaran Negeri. Tajuk syarahan anda ialah "Hak-hak Pengguna. Tulis teks syarahan anda itu.
4. Pada masa ini, kebanyakan rancangan televisyen lebih mementingkan keuntungan kewangan berbanding dengan melaksanakan tanggungjawab sosial. Sejuah manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

**Latihan membina pendahuluan**

Soalan:

***Telefon bimbit kini semakin digemari oleh masyarakat tanpa mengira golongan. Jelaskan sebab alat ini menjadi pilihan ramai dan kesan yang timbul daripada penggunaannya.***

Ayat 1: Penyataan Isu/tema

---

---

Ayat 2: Definisi/konsep

---

---

---

---

Ayat 3: Gambaran/latar belakang

---

---

---

---

Ayat 4: Pendapat

---

---

---

---

Ayat 5: Penyataan kehendak soalan

---

---

---

**Cadangan isi 1:**

**Sebab/punca: Sistem perhubungan menjadi lebih cekap dan pantas – membolehkan komunikasi berlaku di mana-mana tempat yang ada liputan dan pada bila-bila masa.**

Ayat 1: Judul/isi

---

---

Ayat 2: Sokongan/huraian

---

---

---

Ayat 3: Sokongan/huraian/ccontoh/pendapat

---

---

---

---

Ayat 4: Sokongan/pendapat

---

---

---

---

Ayat 5: Penegasan isi

---

---

---

**Latihan membina Kesimpulan**

Ayat 1: Ulasan isu

---

---

Ayat 2: Pendapat

---

---

---

---

Ayat 3: Cadangan

---

---

---

Ayat 4: Harapan

---

---

---

---

### 3.0 BAHAGIAN B: RUMUSAN

Bahagian Rumusan bertujuan untuk menilai:

- i. pemahaman calon terhadap isi petikan karangan
- ii. kebolehan calon mengenal pasti isi utama, isi sokongan, dan kesimpulan petikan
- iii. kebolehan calon mengolah semula petikan dengan menggunakan bahasa sendiri secara berkesan tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sehubungan dengan itu, calon harus menyelesaikan tugas yang diberi dengan menyusun dan mengolah semula kandungan teks dengan gaya sendiri tanpa mengubah maksud asal teks. Hasil tugas calon hendaklah lebih ringkas tetapi masih memperlihatkan kohesi dan koheren serta bahasa yang tepat, jelas serta gramatis. Calon juga perlu mahir menyampaikan idea dan fakta dengan tepat dan ringkas serta menggunakan bahasa yang segar, persis, dan rapi.

Bahan teks yang diberi adalah daripada pelbagai sumber yang meliputi pelbagai bidang. Panjang petikan yang diberi biasanya antara 450 hingga 500 perkataan. Calon seharusnya peka dengan arahan soalan yang berkehendakkan mereka membuat tugas rumusan dalam **tiga perenggan** dengan jumlah perkataannya sama ada antara 160 hingga 170, 170 hingga 180 atau 180 hingga 190 (bergantung kepada arahan soalan).

Bentuk tugas Rumusan STPM sangat berbeza dengan rumusan peringkat peperiksaan SPM. Kekeliruan ini sering terjadi kepada pelajar-pelajar tingkatan enam rendah, bahkan ada segelintir pelajar tingkatan enam atas yang masih menggunakan format rumusan peringkat SPM. Rumusan peringkat STPM mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya dengan rumusan SPM. Komponen utama yang terdapat dalam rumusan STPM ialah:

- ◆ Isi Utama (IU)
- ◆ Isi Sokongan (IS)
- ◆ Kesimpulan (K)

Ketiga-tiga komponen inilah yang harus dikenal pasti oleh calon semasa membuat tugas ini. Aspek inilah juga yang menjadi penilaian untuk pemberian markah, di samping aspek **Persembahan (pengolahan dan bahasa)**. Pemberian markah untuk kedua-dua aspek tersebut adalah seperti berikut:

(a) Isi [10 markah]

Pemberian markah Isi (I) merangkumi aspek Isi Utama (IU), Isi Sokongan (IS), dan Kesimpulan (K). Pembahagian markah isi adalah seperti berikut:

<b>Tahap</b>	<b>Markah</b>	<b>Kriteria</b>
Amat baik	9 - 10	IU = Tepat dan lengkap IS = Cukup (enam atau lima isi), tepat dan lengkap K = Tepat dan lengkap
Baik	7 – 8	IU = Tepat dan lengkap IS = Cukup, tepat, dan lengkap (enam atau lima isi) K = Kurang tepat/kurang lengkap  atau  IU = kurang tepat / kurang lengkap IS = Cukup dan lengkap K = Tepat dan lengkap
Sederhana	5 – 6	IU = Kurang tepat/salah tempat/kurang lengkap IS = Tidak cukup (empat atau tiga isi) K = Kurang tepat/salah tempat/kurang lengkap  atau  IU = Kurang tepat/salah tempat/kurang lengkap IS = Cukup (enam atau lima isi) tetapi kurang lengkap/kurang tepat K = Tepat/salah tempat/kurang lengkap
Lemah	3 - 4	IU = Kurang lengkap/kurang tepat/samar IS = Tidak cukup (dua atau satu isi sahaja) K = Kurang tepat/kurang lengkap/tiada
Amat lemah	1 - 2	IU = Salah/tiada IS = Tidak cukup/tidak jelas/salah K = Salah/tiada

Catatan:

- i. Isi sokongan (IS) yang kurang lengkap dianggap sebagai isi sokongan yang lemah (ISL)
- ii. Dua isi sokongan yang lemah (ISL) dianggap sama nilainya dengan satu isi (IS) yang tepat dan lengkap.
- iii. Rumusan yang ditulis hendaklah **tidak melebihi tiga perenggan**. Jika calon menulis rumusan melebihi daripada tiga perenggan, markah akan **ditolak sebanyak satu markah**.

(b) Persembahan [10 markah]

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Olahan rumusan kemas</li> <li>▪ Penyampaian berkesan</li> <li>▪ Tidak ada kesalahan bahasa yang serius</li> </ul>
Baik	7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Olahan rumusan masih kemas</li> <li>▪ Penyampaian masih kemas</li> <li>▪ Tidak ada kesalahan bahasa yang serius</li> </ul>
Sederhana	5 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Olahan rumusan masih kemas</li> <li>▪ Penyampaian masih memuaskan</li> <li>▪ Mengandungi sedikit kesalahan bahasa tetapi tidak begitu serius</li> </ul>
Lemah	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Olahan rumusan kurang kemas</li> <li>▪ Penyampaian kurang memuaskan</li> <li>▪ Mengandungi kesalahan bahasa yang serius</li> </ul>
Amat lemah	1 - 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Olahan rumusan tidak kemas</li> <li>▪ Penyampaian tidak memuaskan</li> <li>▪ Mengandungi terlalu banyak kesalahan bahasa yang serius</li> </ul>

### 3.1 Panduan dan Teknik

Dalam penerangan sebelum ini (3.0) telah ditegaskan bahawa rumusan peringkat STPM berbeza sama sekali dengan rumusan peringkat SPM. Untuk membina sebuah rumusan yang baik, calon boleh menggunakan ayat dengan gaya bahasa sendiri tetapi masih mengekalkan maksud asal teks. Sebelum memulakan tugas, calon seharusnya mengetahui konsep '*rumusan*' itu sendiri. Seterusnya calon perlu mengenali dan memahami ciri-ciri ketiga-tiga aspek penting dalam rumusan, iaitu IU, IS, dan K.

Rumusan merupakan terbalikan daripada tugas di Bahagian A, iaitu karangan. Dalam karangan, calon perlu mengemukakan idea dan isi yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan dalam soalan. Setiap isi yang dikemukakan oleh calon harus dikukuhkan dengan hujah, pendapat, statistik, bukti atau contoh bagi menyokong idea tersebut. Sebaliknya, dalam tugas merumus karangan, pelajar hanya perlu mencari idea atau isu serta isi-isi yang menyokong idea tersebut yang telahpun ditulis dan terdapat dalam petikan yang diberi. Oleh itu, pada hakikatnya tugas merumus karangan lebih mudah berbanding menulis karangan. Konsep inilah yang seharusnya difahami pelajar.

#### 3.1.1 Apakah Isi Utama (IU)?

Dalam sesebuah karangan, setiap isu yang menjadi persoalan dan permasalahan dikemukakan dalam perenggan pendahuluan. Apabila kita menulis karangan, isu pokok ini akan kita kemukakan dalam perenggan pendahuluan. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran awal tentang pokok perbincangan dalam perenggan seterusnya. Oleh sebab itu, kita akan dapat mengesan perkara pokok yang ingin dibincangkan oleh pengarang dalam perenggan pendahuluan lagi. Begitulah juga sifat IU dalam petikan. Kebiasaannya IU berada dalam perenggan pertama, iaitu perenggan pendahuluan. Jarang sekali penulis meletakkan IU pada perenggan lain.

#### 3.1.2 Apakah Isi Sokongan (IS)?

Dalam sesebuah karangan, setiap persoalan pokok (IU) akan dihuraikan melalui isi yang boleh menyokong persoalan tersebut. Pada kebiasaannya, isi karangan ditulis pada ayat pertama dalam setiap perenggan. Walau bagaimanapun, kedudukan isi bergantung kepada cara penulisan seseorang penulis. Ada kemungkinan juga sesetengah perenggan mempunyai dua IS. Keadaan ini dapat dikesan apabila petikan yang diberi hanya mempunyai tiga atau empat perenggan isi, tidak termasuk perenggan pendahuluan dan perenggan penutup petikan tersebut. Isi sokongan tersebut akan dikukuhkan dengan hujah, pendapat pengarang, statistik atau perangkaan, dan bukti atau contoh. Dalam petikan yang diberi, jumlah IS yang ditulis adalah antara lima (5) hingga enam (6) bergantung kepada panjang pendek petikan. Kebiasaannya, sekiranya jumlah perkataan yang perlu ditulis antara 160 hingga 180, jumlah IS yang terdapat dalam petikan ialah lima (5). Sekiranya jumlah perkataan yang diminta antara 180 hingga 190, jumlah IS-nya ialah enam (6). Walau bagaimanapun, calon-calon dinasihatkan supaya menulis IS tidak kurang daripada lima (5).

### 3.1.3 Apakah Kesimpulan (K)?

Kesimpulan (K) merupakan bahagian yang menjadi pengukuhan isi perbincangan dalam petikan. Bahagian ini terletak pada perenggan terakhir petikan. Jawapan calon harus menggunakan perenggan ini, bukannya idea sendiri yang berbeza dengan petikan.

### 3.2 Cara mendapat *IU*, *IS* dan *K* yang tepat

- Setiap isi yang dikemukakan, sama ada *IU*, *IS* atau *K* mengandungi **inti pati** isi. Inti pati ialah **kata kunci yang menjadi sokongan atau penjelasan lanjut tentang isi** yang diberi. Inti pati ini juga yang menentukan sama ada *IU*, *IS* atau *K* yang ditulis itu tepat atau lemah.
- Inti pati yang ditulis mesti mencukupi untuk memperoleh *IU*, *IS* dan *K* yang tepat. Sekiranya inti pati yang ditulis tidak mencukupi, *IU*, *IS* atau *K* dikira tidak tepat atau lemah.
- Jumlah inti pati yang perlu ditulis bergantung kepada panjang pendek huraian isi (tidak kurang daripada 2 inti pati dan maksimum 4 atau 5 inti pati)
- Inti pati isi boleh dikenali melalui beberapa aspek:
  - l Cadangan/pendapat/pandangan pengarang yang menggunakan perkataan-perkataan *seharusnya*, *semestinya/mesti*, *sepatutnya*, *sewajarnya*, *perlu* dan perkataan lain seumpamanya (termasuk cadangan/pendapat/pandangan pengarang yang tidak menggunakan perkataan-perkataan tersebut tetapi masih lagi berupa pendapat/pandangan).
  - l Perangkaan atau statistik (calon hanya perlu buat rumusan tentang perangkaan tersebut - tidak perlu nyatakan angka; hanya beri rumusan daripada dapatan tersebut, seperti *meningkat/bertambah* atau *menurun*, *banyak/ramai* atau *sedikit*, dan sebagainya).
  - d Contoh berupa fakta yang dapat menjelaskan idea pengarang dengan lebih lanjut (sekiranya contoh bentuk ini tidak diberi oleh pengarang dalam tulisannya, idea yang dikemukakannya tidak akan jelas atau tergantung)

Contoh petikan (STPM 2007):

BERDASARKAN KEJAYAAN TERSEBUT, BERBAGAI-BAGAI USAHA PERLU DILAKUKAN UNTUK MENJADIKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA LEBIH BERDAYA SAING, TERUTAMANYA DI PERINGKAT ANTARABANGSA. *Contohnya, tanaman hendaklah*

dipelbagaikan. Selain itu, usaha menjadikan kawasan pertanian sebagai daya tarikan pelancong dapat dilakukan melalui promosi yang berterusan.

Nota penting:

- N Contoh umum (bukan inti pati - tidak perlu ditulis) : Contoh bentuk ini merupakan maklumat tambahan yang tidak mengganggu idea pengarang. Sekiranya contoh ini tidak dinyatakan, huraian pengarang masih lengkap.

Contoh petikan (STPM 2007):

PROGRAM UNTUK MEMAJUKAN BIDANG PERTANIAN HARUS DAPAT MENARIK ANAK MUDA KEMBALI KE DESA UNTUK MENGUSAHAKAN TANAH YANG BELUM DIMAJUKAN. *Tarikan itu boleh berupa penyediaan kemudahan asas, pinjaman, insentif, dan segala bantuan yang diperlukan untuk mengusahakan satu-satu kawasan pertanian.*

Huraian tentang contoh atau bukti (bukan inti pati - tidak perlu ditulis): huraian bentuk ini bukan huraian sokongan terhadap idea (isi) tetapi hanya menghuraikan contoh yang dinyatakan sebelumnya.

**Contoh Isu Utama (IU):**

- ☑ **Masalah sosial dalam kalangan remaja di negara kita kini menjadi semakin meningkat.** Kita tidak dapat menyembunyikan statistik yang mencatatkan kegawatan sosial dalam kalangan remaja kita yang kian membimbangkan ini. Demikian juga halnya dengan masalah disiplin di sekolah, yang nampaknya semakin tidak menyenangkan pelbagai pihak. Hari ini, banyak anak muda kita yang terlibat dalam kes lari dari rumah, menagih dadah, melepak, dan melakukan jenayah. Golongan remaja membentuk lebih 40 peratus daripada penduduk negara ini dan mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dianggar berjumlah 9.25 juta orang. Mereka menjadi harapan kita bagi meneruskan kesinambungan bangsa dan negara. Memandangkan hakikat ini, maka kepincangan yang melibatkan mereka mesti diberi perhatian yang serius dan harus difikirkan “ubat yang mujarab” untuk memulihkannya.

Dalam contoh di atas, analisisnya boleh dibuat seperti berikut:

Ayat 1 : *Masalah sosial dalam kalangan remaja di negara kita kini menjadi semakin meningkat.*

☞ Ayat ini merupakan **IU** kerana ada menyebut isu perbincangan, iaitu

	<p><i>masalah sosial</i></p> <p>↳ Dalam ayat ini juga ada menjelaskan keadaan <i>masalah sosial</i>, iaitu <i>semakin meningkat</i></p>
Ayat 2	<p>: <i>Kita tidak dapat menyembunyikan statistik yang mencatatkan kegawatan sosial dalam kalangan remaja kita yang kian membimbangkan ini.</i></p> <p>↳ Ayat ini merupakan keterangan ulangan tentang keadaan <i>masalah sosial (semakin meningkat)</i> – bukan <i>intipati</i></p>
Ayat 3 & 4	<p>: <i>Demikian juga halnya dengan masalah disiplin di sekolah, yang nampaknya semakin tidak menyenangkan pelbagai pihak. Hari ini, banyak anak muda kita yang terlibat dalam kes lari dari rumah, menagih dadah, melepak, dan melakukan jenayah</i></p> <p>↳ Kedua-dua ayat ini merupakan contoh masalah sosial – bukan <i>intipati</i></p>
Ayat 5	<p>: <i>Golongan remaja membentuk lebih 40 peratus daripada penduduk negara ini dan mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dianggar berjumlah 9.25 juta orang.</i></p> <p>↳ Ayat ini ialah statistik tentang jumlah remaja – <i>intipati</i></p>
Ayat 6	<p>: <i>Mereka menjadi harapan kita bagi meneruskan kesinambungan bangsa dan negara.</i></p> <p>↳ Ayat ini ialah pendapat/pandangan pengarang - <i>intipati</i></p>
Ayat 7	<p>: <i>Memandangkan hakikat ini, maka kepincangan yang melibatkan mereka mesti diberi perhatian yang serius dan harus difikirkan “ubat yang mujarab” untuk memulihkannya.</i></p> <p>↳ Ayat ini juga merupakan cadangan/pendapat pengarang - <i>intipati</i></p>

Apabila dirumuskan ayat-ayat di atas, bentuknya boleh dibuat seperti berikut:

Masalah sosial yang melibatkan remaja semakin membimbangkan. Oleh sebab jumlah mereka sangat banyak dan mereka ialah pewaris bangsa, masalah mereka mestilah diatasi dengan cara yang terbaik.

### Contoh Isi Sokongan (IS)

- Atas kepekaan terhadap masalah inilah, maka **kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Tindakan Sosial (PINTAS) yang membabitkan pelbagai pihak, iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, ibu bapa, dan individu tertentu.** Dengan penglibatan pelbagai pihak, masyarakat akan sedar bahawa masalah remaja bukan lagi merupakan masalah pinggiran, tetapi memerlukan suatu pendekatan yang menyeluruh dan benar-benar berkesan. Soal meletakkan kesalahan antara satu dengan yang lain diharapkan tidak akan timbul.

<p>Ayat 1 : <i>Atas kepekaan terhadap masalah inilah, maka kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Tindakan Sosial (PINTAS) yang membabitkan pelbagai pihak, iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, ibu bapa, dan individu tertentu.</i></p> <p>↳ Ayat ini merupakan IS kerana memberi penjelasan tentang isi bagi isu perbincangan, iaitu langkah penyelesaian yang berkaitan dengan masalah sosial remaja.</p>
<p>Ayat 2 : <i>Dengan penglibatan pelbagai pihak, masyarakat akan sedar bahawa masalah remaja bukan lagi merupakan masalah pinggiran, tetapi memerlukan suatu pendekatan yang menyeluruh dan benar-benar berkesan.</i></p> <p>↳ Ayat ini mengandungi penerangan lanjut tentang cara pelaksanaan langkah yang disebutkan dalam ayat sebelumnya</p>
<p>Ayat 3 : <i>Soal meletakkan kesalahan antara satu dengan yang lain diharapkan tidak akan timbul.</i></p> <p>↳ Ayat ini mengukuhkan isi yang diberi dengan menyatakan kesan sekiranya wujud kerjasama semua pihak seperti yang dinyatakan.</p>

Apabila dirumuskan ayat-ayat di atas, bentuknya boleh dibuat seperti berikut::

Pelan Induk Tindakan Sosial (PINTAS) yang membabitkan pelbagai pihak yang diperkenalkan diharap dapat menyedarkan masyarakat bahawa masalah remaja bukan lagi merupakan masalah pinggiran, tetapi memerlukan suatu pendekatan yang menyeluruh dan benar-benar berkesan. Soal meletakkan kesalahan antara satu dengan yang lain diharapkan tidak akan timbul.

### Contoh Kesimpulan (K)

- ☑ **Pada hakikatnya, teras kepada semua ini ialah pendidikan.** Dalam konteks ini, pendidikan yang dimaksudkan meliputi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Dalam pendidikan tidak formal, ibu bapa mestilah menunjukkan teladan yang baik yang boleh merangsang anak-anak untuk bertindak dan berkelakuan sebagai insan yang berakhlak mulia. Dalam hal ini, ibu bapa mestilah menerima hakikat bahawa pendidikan moral dan akhlak sukar dilaksanakan kalau semata-mata bergantung pada fungsi guru dan sekolah. Nilai-nilai akhlak yang murni sebenarnya bermula dari rumah dan diperkukuh dengan pendidikan di sekolah

<p>Ayat 1 : <i>Pada hakikatnya, <b>teras kepada semua ini ialah pendidikan.</b></i></p> <p>↳ Ayat ini merupakan idea bagi penutup yang diberi.</p>
--

Ayat 2 : Dalam konteks ini, pendidikan yang dimaksudkan meliputi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal.

↳ Ayat ini memberi penjelasan lanjut tentang idea yang diberi, iaitu tentang jenis pendidikan

Ayat 3 : Dalam pendidikan tidak formal, ibu bapa mestilah menunjukkan teladan yang baik yang boleh merangsang anak-anak untuk bertindak dan berkelakuan sebagai insan yang berakhlak mulia

↳ Dalam ayat ini ada dijelaskan tentang cara pendidikan itu dijalankan oleh ibu bapa

Ayat 4 : Dalam hal ini, ibu bapa mestilah menerima hakikat bahawa pendidikan moral dan akhlak sukar dilaksanakan kalau semata-mata bergantung pada fungsi guru dan sekolah.

↳ Ayat ini tidak memberi penjelasan lanjut tentang cara pendidikan itu dilaksanakan tetapi hanya memberi penegasan tentang peranan ibu bapa seperti yang dinyatakan dalam ayat 3

Ayat 5 : Nilai-nilai akhlak yang murni sebenarnya bermula dari rumah dan diperkukuh dengan pendidikan di sekolah

↳ Ayat ini memberi penjelasan lanjut tentang idea, iaitu pendidikan formal dan tidak formal seperti yang dinyatakan dalam ayat 2

### SOALAN TAHUN 2005-2007

*Fahami petikan di bawah ini, dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 170 hingga 180 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis pada akhir jawapan.* [20]

Masalah sosial dalam kalangan remaja di negara kita kini semakin meningkat. Kita tidak dapat menyembunyikan statistik yang mencatatkan kegawatan sosial dalam kalangan remaja kita yang kian membimbangkan ini. Demikian juga halnya dengan masalah disiplin di sekolah, yang nampaknya semakin tidak menyenangkan pelbagai pihak. Hal ini, banyak anak muda kita yang terlibat dalam kes lan dan rumah, menagih dadah, melepak, dan melakukan jenayah. Golongan remaja membentuk lebih 40 peratus daripada penduduk negara ini dan mereka yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dianggar berjumlah 9.25 juta orang. Mereka menjadi harapan kita bagi meneruskan kesinambungan bangsa dan negara. Memandangkan hakikat ini, maka kepincangan yang melibatkan mereka mesti diberi perhatian yang serius dan harus difikirkan “ubat yang mujarab” untuk memulihkannya.

Persoalan yang harus kita fikirkan sekarang ialah keberkesanan pelbagai program yang telah dijalankan selama ini dalam membentuk semula anak-anak yang sudah terjebak itu agar mereka menjadi manusia yang berkualiti. Adakah program yang telah disediakan itu mampu membentuk akhlak yang baik, mampu menjanakan kekuatan mental dan moral yang tinggi, serta mampu memantapkan akhlak-rohaniah mereka agar kelak mereka memiliki sifat-sifat kepemimpinan yang berdaya saing, bermaruah, dan berbudaya tinggi? Kita percaya bahawa keinginan untuk membentuk masyarakat yang berkualiti semestinya memerlukan pengorbanan dan penggembleran tenaga semua pihak: kerajaan, sistem pendidikan, badan korporat, organisasi bukan kerajaan, media massa, dan institusi kekeluargaan itu sendiri. Program yang menyeluruh, bersepadu, dan yang membabitkan semua pihak perlu dirangka dan dilaksanakan. Kita tidak boleh menunggu sehingga keadaan menjadi parah kerana apabila sudah demikian halnya maka apa jua usaha yang diambil akan menjadi kurang berkesan.

Atas kepekaan terhadap masalah inilah, maka kerajaan memperkenalkan Pelan Induk Tindakan Sosial (PINTAS) yang membabitkan pelbagai pihak, iaitu pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, ibu bapa, dan individu tertentu. Dengan penglibatan pelbagai pihak, masyarakat akan sedar bahawa masalah remaja bukan lagi merupakan masalah pinggir, tetapi memerlukan suatu pendekatan yang menyeluruh dan benar-benar berkesan. Soal meletakkan kesalahan antara satu dengan yang lain diharapkan tidak akan timbul lagi.

Kita percaya bahawa program yang diperkenalkan ini bukan sahaja menitikberatkan pembinaan fizikal dan kebendaan, tetapi juga menekankan pembentukan rohaniah, akhlak, dan sahsiah anak-anak kita. Mereka seharusnya dilatih menggunakan keupayaan berfikir secara analitis dan kritis agar dapat bertindak secara rasional, di samping tidak pula mengetepikan ajaran agama yang dianuti. Dengan kata lain, mereka seharusnya dapat memahami tuntutan kelahiran: bermula daripada diri sendiri, ibu bapa, masyarakat, alam, peradaban, hinggalah aspek yang berkaitan dengan ketuhanan.

Pada hakikatnya, teras kepada semua ini ialah pendidikan. Dalam konteks ini, pendidikan yang dimaksudkan meliputi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Dalam pendidikan tidak formal, ibu bapa mestilah menunjukkan teladan yang baik yang boleh merangsang anak-anak untuk bertindak dan berkelakuan sebagai insan yang berakhlak mulia. Dalam hal ini ibu bapa mestilah menerima hakikat bahawa pendidikan moral dan akhlak sukar dilaksanakan kalau semata-mata bergantung pada fungsi guru

dan sekolah. Nilai-nilai akhlak yang murni sebenarnya bermula dan rumah dan diperkukuh dengan pendidikan di sekolah.

Kita perlu sedar bahawa individu ialah sebahagian daripada sesebuah keluarga, manakala keluarga pula menjadi paksi kepada pembentukan sebuah masyarakat. Sekiranya baik individu, maka baiklah keluarga dan masyarakat. Untuk membina sebuah masyarakat cemerlang, permasalahan keluarga mestilah diselesaikan terlebih dahulu. Sekiranya keluarga terurus maka terbentuklah sebuah masyarakat yang bermaruah dan berbudi pekerti mulia.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Berita Harian, 25 Julai 1998)

*Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dalam tidak lebih (daripada tiga perenggan dan panjangnya hendaklah antara 170 hingga 180 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan hendaklah ditulis dalam jawapan pada akhir jawapan. [20]*

Iklan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pengguna. Selain memujuk pengguna supaya membeli barang atau perkhidmatan, iklan juga berperanan memberikan maklumat berkenaan dengan sesuatu produk. Iklan mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk kepercayaan pengguna bahawa apa-apa yang diiklankan itu ialah sesuatu yang penting. Berbagai-bagai cara digunakan untuk memujuk dan menarik perhatian para pengguna. Antaranya termasuklah penggunaan media, seperti akhbar, majalah, radio, papan iklan dan risalah.

Industri pengiklanan berkembang dengan begitu pesat di seluruh dunia dan melibatkan perbelanjaan yang amat besar setiap tahun. Di Malaysia, pengiklanan merupakan bidang komersial yang menguntungkan dan cepat berkembang. Pada tahun 1985, perbelanjaan untuk tujuan pengiklanan berjumlah RM419 juta. Jumlah itu meningkat kepada beberapa billion ringgit dalam jangka masa tidak sampai 20 tahun. Agensi pengiklanan sentiasa mencari kaedah yang terbaik untuk menarik perhatian para pengguna terhadap imej dan jenama sesuatu barang atau perkhidmatan yang ditonjolkan. Mereka menggunakan strategi psikologi dan psikoanalitik untuk mempengaruhi pengguna supaya membeli produk yang diiklankan.

Pihak pengeluar dan pengiklan juga telah menamnbah fungsi sesuatu barang. Imej yang selalu diketengahkan oleh beberapa iklan ialah golongan remaja yang segar apabila menggunakan sesuatu produk biarpun harganya mahal dan tidak mampu dimiliki oleh mereka. Bagi iklan syampu dan produk kecantikan, para pengiklan biasanya mengetengahkan model yang cantik untuk memperdayakan para pengguna bahawa dengan menggunakan produk keluaran mereka, pengguna juga akan kelihatan menawan seperti model tersebut. Hal ini membuktikan bahawa terdapat iklan tertentu yang gagal memenuhi ciri yang dikehendaki dalam sesuatu klan komersial.

Satu lagi taktik yang sering digunakan oleh pengiklan adalah dengan mengusik perasan pengguna. Pengiklan mewujudkan keadaan bimbang kepada pengguna dengan pelbagai cara, termasuklah memperlihatkan individu yang diketepikan oleh rakan atau pasangannya apabila mukanya berjerawat, rambutnya berkeleumumur, kulitnya gelap, badannya berbau, badannya gemuk. dan sebagainya. Iklan sebegini sengaja menimbulkan keraguan dan rasa bersalah pengguna jika mereka tidak menggunakan produk yang dikeluarkan oleh pengiklan.

Iklan seharusnya mengingatkan pengguna tentang barang atau perkhidmatan dan memberikan keyakinan kepada para pembeli bahawa mereka telah membuat pilihan yang tepat. Iklan yang baik seharusnya mempunyai tarikan yang menyentuh kepentingan diri pengguna dengan menunjukkan bahawa barang yang diiklankan itu menepati fungsi yang dikehendaki. Kegagalan iklan melaksanakan peranannya itu lambat-laun akan menyebabkan hilangnya kepercayaan dalam kalangan pengguna.

Sehubungan dengan itu, sudah tiba masanya Kod Amalan Pengiklanan Malaysia diperketat untuk mengelakkan pengiklan daripada terus membuat dakwaan yang tidak berasas dan mengelirukan. Tindakan yang lebih tegas perlu diambil terhadap pengiklan yang menipu pengguna dengan menyelitkan unsur lucah dan menjadikan unsur seks sebagai daya tarikan. Pengeksploitasian wanita dan kanak-kanak melalui iklan

perlu dihentikan dengan memastikan bahawa model yang digunakan bersesuaian dengan produk yang diiklankan.

(Dipetik dan diubah suai daripada Dewan Masyarakat, Jun 2002)

*Fahami petikan di bawah ini, dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat tidak lebih tiga perenggan dan panjangnya antara 180 hingga 190 patah perkataan.*

[20]

Sektor pertanian masih menduduki tempat yang penting di Malaysia. Selain menghasilkan pendapatan, sektor pertanian juga menyediakan ruang pekerjaan yang banyak kepada rakyat negara ini. Rancangan pertanian baharu terus dibuka dan diteroka. Kalau dahulu pertanian diusahakan secara kecil-kecilan, tetapi kini sektor pertanian telah dibangunkan secara komersial untuk eksport. Tanaman yang tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi telah diganti dengan tanaman yang mendatangkan hasil yang lumayan.

Di Malaysia, sektor pertanian mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Berdasarkan keadaan cuaca yang panas sepanjang tahun dan taburan hujan yang tinggi serta tanah yang subur, bidang pertanian dapat dimajukan ke peringkat yang optimum. Sehubungan dengan potensi itu, usaha memodenkan sektor pertanian perlu dijalankan. Dalam hal ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baru yang berasaskan pertanian. Namun begitu, potensi itu belum dimanfaatkan sepenuhnya kerana hanya kira-kira 16 peratus daripada 103 000 keluarga peneroka mengambil bahagian dalam aktiviti sampingan yang boleh menghasilkan pendapatan tambahan. Sesungguhnya, penubuhan kawasan rancangan FELDA telah berjaya meningkatkan pendapatan para petani dan penduduk luar bandar. Selain itu, rancangan tersebut juga telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 50 peratus kepada 10 peratus sahaja.

Berdasarkan kejayaan tersebut, berbagai-bagai usaha perlu dilakukan untuk menjadikan sektor pertanian negara lebih berdaya saing, terutamanya di peringkat antarabangsa. Contohnya, tanaman hendaklah dipelbagaikan. Selain itu, usaha menjadikan kawasan pertanian sebagai daya tarikan pelancong dapat dilakukan melalui promosi yang berterusan. Malaysia boleh menjadi pusat agropelancongan sekiranya lebih banyak kawasan pertanian dibangunkan dan kemudahan untuk orang ramai beriadah dan menikmati kedamaian desa disediakan.

Selain itu, orientasi dan persepsi mengenai pertanian perlu diubahjika kita mahu melihat sektor pertanian menjadi maju. Pertanian tidak sepatutnya dikaitkan dengan kemiskinan dan pekerjaan bagi golongan bawahan. Pertanian boleh menjadi landasan untuk seseorang memperbaiki taraf hidup dan sosioekonomi, malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kegiatan pertanian boleh menjadikan seseorang kaya-raya kalau diusahakan dengan sungguh-sungguh dan terancang. Untuk memajukan sektor pertanian, program penyelidikan secara besar-besaran perlu dijalankan, khususnya untuk meningkatkan hasil keluaran sektor tersebut. Kejayaan kita memajukan sektor pertanian dapat mengelakkan anak muda berhijrah ke bandar. Program untuk memajukan bidang pertanian harus dapat menarik anak muda kembali ke desa untuk mengusahakan tanah yang belum dimajukan. Tarikan itu boleh berupa penyediaan kemudahan asas, pinjaman, insentif, dan segala bantuan yang diperlukan untuk mengusahakan satu-satu kawasan pertanian.

Kegiatan pertanian tradisi harus diganti dengan aktiviti pertanian yang lebih moden. Tanahtanah yang

tidak produktif harus ditebus guna dan tanah yang bersaiz kecil disepadukan untuk dijadikan kawasan pertanian yang berskala besar. Dengan beberapa perubahan yang dilakukan itu, sektor pertanian negara dapat berkembang dan ditingkatkan hasil keluarannya. Dalam hal ini, kerajaan boleh membantu sektor ini membuka, mencari, dan mendapatkan pasaran baharu untuk setiap keluaran pertanian negara kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Era Baru Pertanian Negara",  
*Dewan Ekonomi*, April 2004, halaman 19-20)

## AKTIVITI RUMUSAN KARANGAN

### AKTIVITI 1

**Arahan :** *Sila kenal pasti inti pati yang terdapat di dalam perenggan di bawah dan tuliskan inti pati tersebut di ruangan yang disediakan.*

#### Perenggan 1

Dua komponen yang menjadi pemangkin peningkatan kesedaran orang ramai terhadap maklumat dan peranannya dalam pembangunan sosioekonomi negara ialah komputer dan sistem telekomunikasi. Perkembangan pesat dalam kedua-dua bidang ini dikatakan telah mengalih tumpuan daripada pembangunan industri perkilangan seperti kilang keluli dan limbungan kapal, pada satu pihak kepada peningkatan teknologi maklumat pada satu pihak yang lain.

**Inti pati :**

---

---

---

#### Perenggan 2

Era baru ini telah melahirkan masyarakat bermaklumat yang berteknologi tinggi seperti di Amerika Syarikat dan beberapa buah negara maju di Eropah. Semenjak itu, negara-negara tersebut sudah mula mengalih ekonomi mereka yang berorientasikan pengeluaran serta pengangkutan barang-barang kilang dengan kenderaan darat, udara dan laut, kepada industri yang menitikberatkan pengeluaran dan pemprosesan maklumat serta penyebarannya melalui saluran komunikasi elektronik, satelit dan digital. Oleh itu, sekiranya penguasaan kuasa wap dan elektrik merupakan prasarana asas tercetusnya Revolusi Perindustrian di pinggir abad ke-18 dan ke-19 dahulu, maka komputer dan sistem telekomunikasi pula merupakan prasarana baru dalam pembentukan masyarakat bermaklumat

**Inti pati :**

---

---

---

AKTIVITI 2

*Fahami petikan di bawah ini, dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat tidak lebih tiga perenggan dan panjangnya antara 180 hingga 190 patah perkataan. [20]*

Sektor pertanian masih menduduki tempat yang penting di Malaysia. Selain menghasilkan pendapatan, sektor pertanian juga menyediakan ruang pekeljaan yang banyak kepada rakyat negara ini. Rancangan pertanian baharu terus dibuka dan diteroka. Kalau dahulu pertanian diusahakan secara kecil-kecilan, tetapi kini sektor pertanian telah dibangunkan secara komersial untuk eksport. Tanaman yang tidak mempunyai nilai komersial yang tinggi telah diganti dengan tanaman yang mendatangkan hasil yang lumayan.

IU	
Intipati 1	
Intipati 2	
Intipati 3	

Di Malaysia, sektor pertanian mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Berdasarkan keadaan cuaca yang panas sepanjang tahun dan taburan hujan yang tinggi serta tanah yang subur, bidang pertanian dapat dimajukan ke peringkat yang optimum. Sehubungan dengan potensi itu, usaha memodenkan sektor pertanian perlu dijalankan. Dalam hal ini, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) mempunyai potensi besar untuk menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baru yang berasaskan pertanian. Namun begitu, potensi itu belum dimanfaatkan sepenuhnya kerana hanya kira-kira 16 peratus daripada 103 000 keluarga peneroka mengambil bahagian dalam aktiviti sampingan yang boleh menghasilkan pendapatan tambahan. Sesungguhnya, penubuhan kawasan rancangan FELDA telah berjaya meningkatkan pendapatan para petani dan penduduk luar bandar. Selain itu, rancangan tersebut juga telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 50 peratus kepada 10 peratus sahaja.

IS 1	
Intipati 1	

Intipati 2	
Intipati 3	
IS 2	
Intipati 1	
Intipati 2	
Intipati 3	

Berdasarkan kejayaan tersebut, berbagai-bagai usaha perlu dilakukan untuk menjadikan sektor pertanian negara lebih berdaya saing, terutamanya di peringkat antarabangsa. Contohnya, tanaman hendaklah dipelbagaikan. Selain itu, usaha menjadikan kawasan pertanian sebagai daya tarikan pelancong dapat dilakukan melalui promosi yang berterusan. Malaysia boleh menjadi pusat agropelancongan sekiranya lebih banyak kawasan pertanian dibangunkan dan kemudahan untuk orang ramai beriadah dan menikmati kedamaian desa disediakan.

IS 3	
Intipati 1	
Intipati 2	
Intipati 3	

Selain itu, orientasi dan persepsi mengenai pertanian perlu diubahjika kita mahu melihat sektor pertanian menjadi maju. Pertanian tidak sepatutnya dikaitkan dengan kemiskinan dan pekeljaan bagi golongan bawahan. Pertanian boleh menjadi landasan untuk seseorang memperbaiki taraf hidup dan sosioekonomi, malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kegiatan pertanian boleh menjadikan seseorang kaya-raya kalau diusahakan dengan sungguh-sungguh dan terancang. Untuk memajukan sektor pertanian, program penyelidikan secara besar-besaran perlu dijalankan, khususnya untuk meningkatkan hasil keluaran sektor tersebut. Kejayaan kita memajukan sektor pertanian dapat mengelakkan anak muda berhijrah ke bandar. Program untuk memajukan bidang pertanian harus dapat menarik anak muda kembali ke desa untuk mengusahakan tanah yang belum dimajukan. Tarikan itu boleh berupa penyediaan kemudahan asas, pinjaman, insentif, dan segala bantuan yang diperlukan untuk mengusahakan satu-satu kawasan pertanian.

IS 4	
Intipati 1	
Intipati 2	
Intipati 3	
IS5	
Intipati 1	
Intipati 2	

IS 6	
Intipati 1	
Intipati 2	
Intipati 3	

Kegiatan pertanian tradisi harus diganti dengan aktiviti pertanian yang lebih moden. Tanahatan yang tidak produktif harus ditebus guna dan tanah yang bersaiz kecil disepadukan untuk dijadikan kawasan pertanian yang berskala besar. Dengan beberapa perubahan yang dilakukan itu, sektor pertanian negara dapat berkembang dan ditingkatkan hasil keluarannya. Dalam hal ini, kerajaan boleh membantu sektor ini membuka, mencari, dan mendapatkan pasaran baharu untuk setiap keluaran pertanian negara kita.

K	
Intipati 1	
Intipati 2	

Intipati 3	
------------	--

## Skema jawapan 2006

### Idea utama

- : IKLAN MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMPENGARUHI PENGGUNA.
- : IKLAN MEMUJUK PENGGUNA
- : MEMBERIKAN MAKLUMAT DAN MEMBENTUK KEPERCAYAAN PENGGUNAAN TENTANG SESUATU PRODUK
- : MELALUI BERBAGAI-BAGAI MEDIA

**3/4=**

### 1UT

#### Isi sokongan

- IS 1 : INDUSTRI PENGIKLANAN BERKEMBANG PESAT DI SELURUH DUNIA
- : DENGAN MELIBATKAN PERBELANJAAN YANG BEGITU BESAR.
- : DI MALAYSIA, INDUSTRI PENGIKLANAN MERUPAKAN SATU BIDANG KEMESIAL YANG CEPAT BERKEMBANG.

**2/3 =**

### IST

- IS2 : AGENSI PENGIKLANAN SENTIASA Mencari kaedah terbaik
- : TERMASUK MENGGUNAKAN STRATEGI PSIKOLOGI DAN PSIKOANALITIK.
- : INI PENTING UNTUK MENARIK PERHATIAN PENGGUNA TERHADAP BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN.

**2/3 =**

### IST

- IS3 : PIHAK PENGIKLAN MENAMBAH FUNGSI BARANGAN
- : DENGAN MENGETENGAHKAN IMEJ REMAJA YANG SEGAK APABILA MENGGUNAKAN SESUATU PRODUK

**2/2 =**

### IST

- IS4 : PENGIKLAN MENGGUNAKAN TAKTIK MENGUSIK PERASAAN PENGGUNA
- : DENGAN MELAHIRKAN KEBIMBANGAN, KERAGUAN ATAU RASA BERSALAH
- : SEKIRANYA PENGGUNA TIDAK MENGGUNAKAN PRODUK YANG DIIKLANKAN.

2/3 =

**IST**

IS5 : IKLAN SEHARUSNYA MENINGATKAN PENGGUNA TENTANG BARANGAN ATAU PERKHIDMATAN  
: DAN MEMBERIKAN KEYAKINAN BAHAWA MEREKA MEMBUAT PEMILIHAN YANG TEPAT.

2/2 =

**IST**

IS6 : IKLAN YANG BAIK HARUS MENUNJUKKAN FUNGSI SEBENAR SESUATU BARANGAN.  
: JIKA IKLAN GAGAL BERPERANAN, PENGGUNA AKAN HILANG KEPERCAYAAN

2/2 =

**IST**

**Kesimpulan**

: KOD AMALAN PENGIKLANAN MALAYSIA PERLU DIPERKETAT  
: BAGI MENGELAKKAN PENGIKLAN MEMBUAT DAKWAAN YANG TIDA BERASAS DAN MENGELIRUKAN.  
: TINDAKAN TEGAS PERLU DIAMBIL TERHADAP PENGIKLAN YANG MENIPU PENGGUNA, MEMASUKKAN UNSUR LUCAH DAN MENEKSPLORITASI WANITA DAN KANAK-KANAK.

2/3 =

**KT**

**Skema jawapan 2007**

**Idea Utama**

: SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI SATU SEKTOR YANG PENTING DI MALAYSIA  
: DAPAT MENGHASILKAN PENDAPATAN DAN MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN YANG BANYAK KEPADA RAKYAT.  
: RANCANGAN PERTANIAN BAHARU TERUS DIBUKA,  
: YANG KECIL DIUSAHAKAN SECARA KOMERSIAL,  
: DAN TANAMAN YANG KURANG MENDATANGKAN HASIL DIGANTI DENGAN YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN.

3/5 =

**IUT**

**Isi sokongan**

IS 1 : SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA BERPOTENSI UNTUK DIMAJUKAN  
: KE PERINGKAT YANG OPTIMUM  
: BERDASARKAN KEADAAN IKLIM DAN TANAH YANG SUBUR DI NEGARA INI .  
: SEKTOR TERSEBUT JUGA PERLU DIMODENKAN.

**3 / 4 =**

**IS**

IS 2 : FELDA BERPOTENSI UNTUK MENJADI SEBAGAI PUSAT PERTUMBUHAN EKONOMI PERTANIAN.  
: WALAUPUN POTENSI ITU BELUM DIMANFAATKAN SEPENUHNYA ,  
: FELDA BERJAYA MENINGKATKAN PENDAPATAN PETANI  
: DAN DAPAT MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN RAKYAT LUAR BANDAR/PENDUDUK DESA.

**3 / 4 =**

**IS**

IS 3 : USAHA PERLU DILAKUKAN UNTUK MENJADIKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA LEBIH BERDAYA SAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA.  
: USAHA ITU TERMASUKLAH MEMPELBAGAIKAN TANAMAN DAN  
: MENJADIKAN KAWASAN PERTANIAN SEBAGAI PUSAT AGROPELANCONGAN

**2 / 3 =**

**IS**

IS 4 : PERTANIAN TIDAK SEPATUTNYA DIKAITKAN DENGAN KEMISKINAN DAN PEKERJAAN GOLONGAN BAWAHAN.  
: PERTANIAN BOLEH MEMPERBAIK TARAF HIDUP SESEORANG  
: JIKA DIUSAHAKAN SECARA SUNGGUH – SUNGGUH DAN TERANCANG.

**2 / 3 =**

**IS**

IS 5 : UNTUK MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN, PENYELIDIKAN SECARA BESAR-BESARAN PERLU DIJALANKAN,  
: KHUSUSNYA BAGI MENINGKATKAN HASIL .

**2 / 2 =**

**IS**

IS 6 : KEJAYAAN MEMAJUKAN SEKTOR PERTANIAN DAPAT MENGELAKKAN ANAK MUDA BERHIJRAH KE BANDAR.  
: TARIKAN UNTUK MENGUSAHAKAN TANAH PERTANIAN PERLU DISEDIAKAN.

**2 / 2 = IS**

**Kesimpulan :**

: KEGIATAN PERTANIAN TRADISIONAL HARUS DIGANTIKAN DENGAN PERTANIAN MODEN,  
: TANAH YANG TIDAK PRODUKTIF HENDAKLAH DITEBUS GUNA DAN  
: TANAH YANG BERSAIZ KECIL DISEPADUKAN.

: KERAJAAN PULA BOLEH MEMBANTU SEKTOR INI MENGATASI MASALAH PEMASARAN HASIL PERTANIAN.

**3 / 4**

**KT**

### **Skema jawapan 2008**

#### **Idea utama**

: TAHUN 2010. TELAH DITETAPKAN SEBAGAI SASARAN UNTUK MALAYSIA MENJADI PUSAT MAKANAN HALAL DUNIA  
: SUPAYA POTENSI BESAR INDUSTRI MAKANAN HALAL DAPAT DIMANFAATKAN.  
: KINI PASARANNYA SEMAKIN MENINGKAT.  
: MALAYSIA DIHARAPKAN DAPAT MENJADI PUSAT PENGELUARAN DAN PENGUMPULAN PELBAGAI JENIS PRODUK HALAL  
: YANG MAMPU MEMENUHI PERMINTAAN DUNIA

**3/5 =**

**1UT**

#### **Isi sokongan**

IS 1 : FAKTOR SOKONGAN DI PERINGKAT DALAMAN / KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DAN UNDANG-UNDANG YANG BERKESAN  
: BOLEH MEMBANTU MALAYSIA MENCAPAI MATLAMAT YANG DITETAPKAN.  
: DI MALAYSIA, INDUSTRI PENGIKLAMAN MERUPAKAN SATU BIDANG KEMESIAL YANG CEPAT BERKEMBANG.

**2/2 =**

**IST**

IS2 : KERAJAAN DAN AGENSINYA BERUSAHA UNTUK MENETAPKAN GARIS PANDUAN YANG JELAS  
: MENGENAI MAKANAN HALAL YANG LUAS PENGERTIANNYA  
: BAGI KEGUNAAN INDIVIDU DAN ORGANISASI PERKHIDMATAN.

**2/3 =**

**IST**

IS3 : MAKANAN HALAL IALAH MAKANAN YANG BOLEH DIMAKAN OLEH UMAT ISLAM  
: BERKHASIAH DAN TIDAK MEMUDARATKAN KESIHATAN

**2/2 = IST**

IS4 : PEMBABITAN PENGUSAHA MAKANAN TEMPATAN DALAM INDUSTRI INI MASIH KURANG  
: KERANA MEREKA BIMBANG TIDAK MEMPEROLEH MANFAAT

**2/2 =**

**IST**

IS5 : HAL INI AGAK MENDUKACITAKAN / MENYEDIHKAN KERANA MALAYSIA SUDAH MULA  
MENGORAK LANGKAH  
: UNTUK MENJADI PUSAT MENGEKSPORT PRODUK MAKANAN HALAL KE SELURUH  
DUNIA.

TEPAT.

**2/2 =**

**IST**

IS6 : PELBAGAI AGENSI KERAJAAN MELAKSANAKAN AKTIVITI  
: YANG MEMBERIKAN PENDEDAHAN TENTANG PELBAGAI ASPEK  
: YANG BERKAITAN DENGAN MAKANAN HALAL KEPADA PENGUSAHA MAKANAN  
TEMPATAN

**2/3 =**

**IST**

**Kesimpulan**

: SEHARUSNYA LEBIH BANYAK SYARIKAT MENGAMBIL INISIATIF  
: UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN DAN MANFAAT DARIPADA INDUSTRI  
MAKANAN

HALAL

: MEMANDANGKAN PELBAGAI INSENTIF TELAH DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN  
: UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT MAKANAN HALAL DUNIA  
MENJELANG

TAHUN 2010.

**3/4 =**

**KT**

#### 4.0 BAHAGIAN C: ALIH BENTUK TEKS

Alih bentuk teks merupakan suatu tugas yang menghendaki calon mengalih bentuk teks yang diberi ke bentuk bahasa biasa (moden) dengan mengekalkan maksud kandungan asal teks yang diberi. Calon-calun dikehendaki memilih satu soalan daripada dua soalan yang diberi, iaitu soalan nombor 6 dan nombor 7.

Bentuk teks yang diberi mengikut sukatan merangkumi beberapa jenis seperti berikut:

- Puisi Melayu lama
- Puisi Melayu moden
- Prosa klasik
- Prosa moden: cerpen, novel, dan drama
- Iklan
- Memorandum
- Dokumen undang-undang

Tujuan pengujian bahagian ini adalah seperti berikut:

- (a) menguji kebolehan calon mengalih sesuatu bentuk bahasa daripada pelbagai bentuk teks kepada bentuk prosa bahasa Melayu moden dengan mengekalkan isi yang asal;
- (b) menguji kebolehan calon menggunakan bahasa yang betul dalam bentuk prosa bahasa Melayu moden.

Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan aspek berikut:

- i. Isi (I)
- ii. Persembahan (P)

Kriteria penentuan markah calon mengikut kedua-dua aspek di atas dinilai berdasarkan mengikut tahap-tahap yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Isi [5 markah]

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	5	Tepat, tiada isi/fakta terpesong atau tertinggal
Baik	4	Secara keseluruhan masih tepat, tetapi ada sedikit isi/fakta kurang tepat atau tertinggal
Sederhana	3	Secara keseluruhan masih baik tetapi sebahagian daripada isi terpesong atau fakta tertinggal
Lemah	2	Tidak tepat, banyak isi terpesong atau tertinggal
Amat lemah	1	Secara keseluruhan isi tidak

		tepat/sipi/menyeleweng/tertinggal
--	--	-----------------------------------

ii. Persembahan [10 markah]

Tahap	Markah	Kriteria
Amat baik	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jalinan kemas</li> <li>▪ Tidak ada kesalahan bahasa</li> <li>▪ Bentuk alih bahasa yang terhasil tepat</li> </ul>
Baik	7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jalinan kemas</li> <li>▪ Tidak ada kesalahan bahasa yang serius</li> <li>▪ Bentuk alih bahasa yang terhasi tepat</li> </ul>
Sederhana	5 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jalinan kurang kemas</li> <li>▪ Terdapat beberapa kesalahan bahasa tetapi tidak menjejaskan isi teks</li> <li>▪ Bentuk alih bahasa yang terhasil kurang sesuai/ kurang tepat</li> </ul>
Lemah	3 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jalinan kurang kemas</li> <li>▪ Terdapat banyak kesalahan bahasa yang serius</li> <li>▪ Bentuk alih bahasa yang terhasil tidak tepat</li> </ul>
Amat lemah	1 - 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jalinan tidak kemas</li> <li>▪ Terdapat kesalahan bahasa yang serius sehingga merosakkan isi teks</li> <li>▪ Bentuk alih bahasa yang terhasil terpesong</li> </ul>

Rumusannya, jawapan calon harus memenuhi kriteria-kriteris yang ditetapkan untuk mendapat markah yang baik, iaitu:

- Isi tepat dan cukup (tiada isi/fakta terpesong atau tertinggal )
- Jalinan ayat kemas
- Tidak ada kesalahan bahasa yang serius (struktur ayat)
- Bentuk alih bahasa yang terhasil tepat

#### 4.1 Panduan umum menjawab alih bentuk teks

Secara umumnya, calon-calon harus menggunakan kaedah-kaedah berikut semasa melakukan tugasan mengalih bentuk teks yang diberi.

- Baca, fahami dan hayati isi kandungan dalam teks yang diberi.
- Pastikan jumlah cerita yang hendak dialih dan tandakan dengan nombor.
- Alih ayat satu persatu
- Tambahkan perkataan tertentu untuk melengkapkan ayat dan mewujudkan jalinan ayat yang lengkap, seperti kata hubung, kata sendi, dan sebagainya. Sayugia diingatkan bahawa tambahan perkataan tersebut bukan merupakan maklumat baru atau maklumat tambahan yang boleh menyebabkan berlaku tambahan isi atau perubahan maksud daripada teks asal.
- Tulis jawapan dalam prosa (karangan)
- Jumlah perkataan dan perenggan tidak terhad.
- Ayat tanya ditukar kepada ayat penyata.
- Elakkan diri anda daripada menulis jawapan berbentuk ulasan atau laporan.
- Perbetulkan kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat asal teks
- Elakkan penggunaan penanda wacana, seperti *selepas itu, selain itu, di samping itu, kemudian, walau bagaimanapun, namun begitu* dan sebagainya untuk mengaitkan ayat dengan ayat. – penggunaan penanda wacana berkemungkinan boleh mengakibatkan jawapan calon akan menjadi bentuk ulasan atau laporan.

#### 4.2 Panduan khusus mengikut teks tugasan

##### 4.2.1 Prosa Klasik

Sebelum melakukan tugasan teks bentuk ini, calon-calon seharusnya mengetahui ciri-ciri teks klasik yang biasa terdapat dalam sesebuah teks. Ciri-ciri tersebut antaranya:

- (a) struktur ayat bahasa klasik biasanya panjang dan berbelit-belit.
- (b) gaya bahasa Melayu klasik banyak menggunakan kata pangkal ayat dan penanda wacana, seperti *syahdan, alkisah, sebermula, sekali peristiwa, arakian, hatta, maka*, dan sebagainya.
- (c) menggunakan frasa-frasa lama yang tidak lagi sesuai dalam konteks bahasa Melayu moden.
- (d) menggunakan bahasa istana
- (e) banyak penggunaan ayat pasif

Ciri-ciri ini merupakan perkara yang biasanya tidak lagi terdapat atau digunakan dalam bentuk bahasa moden. Oleh hal yang demikian, calon-calon harus menukarkan bentuk ciri tersebut ke bentuk bahasa Melayu moden. Berdasarkan ciri-ciri bahasa klasik tersebut, calon-calon harus menukarkannya ke bentuk moden seperti berikut:

- (a) ayat yang panjang dan berbelit-belit harus ditukarkan ke bentuk bahasa Melayu moden yang lebih ringkas, padat, dan gramatis. Seboleh-bolehnya dalam satu ayat hanya mengandungi satu idea sahaja. Calon tidak perlu memberikan maksud setiap perkataan atau menterjemahkannya, tetapi hanya menyampaikan maksud ayat asal dengan ayat dan bahasa sendiri (bentuk moden).
- (b) Kata pangkal ayat atau penanda wacana klasik yang digunakan dalam ayat harus digugurkan apabila mengalih teks ke bentuk moden. Calon tidak perlu terikat untuk menggunakan kata tersebut. Olahan ayat calon terus kepada isi / idea yang terdapat dalam ayat tersebut.
- (c) Frasa lama yang terdapat dalam ayat klasik juga harus digugurkan dan tidak perlu diganti
- (d) Penggunaan bahasa istana harus dikekalkan selagi kata tersebut masih digunakan dalam konteks bahasa Melayu moden. Nama gelaran atau pangkat seseorang watak atau nama-nama alat kebesaran dan sebagainya yang disebut dalam teks juga harus dikekalkan
- (e) Ayat-ayat pasif yang digunakan dalam teks harus ditukarkan ke bentuk aktif ayat bahasa moden.
- (f) Dialog (cakap ajuk) yang terdapat dalam teks asal juga harus ditukarkan ke bentuk cakap pindah bentuk moden.
- (g) Kesalahan bahasa/ayat yang terdapat dalam teks asal hendaklah diperbetul.

Contoh tugas 1:

SEBERMULA TERSEBUTLAH PULA KISAH BAGINDA TUANKU GOMBANG MALIM DEWA, SELAMA ANAKANDA BAGINDA HILANG ITU, SANGATLAH PERCINTAAN KEDUA LAKI ISTERI. MAKA KEPADA HARI ITUPUN BAGINDA BAHARULAH KELUAR BERSEMAYAM DI ATAS TAKHTA KERAJAAN. MAKA KEDENGARANLAH BUNYI SEMBOYAN TIGA DAS DI KUALA BANDAR MUAR ITU. MAKA TITAH BAGINDA, "AYUHAI MENTERI DAN HULUBALANG SEKALIAN, SEMBOYAN APA YANG BERBUNYI TIGA DAS ITU? CUBALAH

Contoh jawapan cadangan:

*Baginda Tuanku Gombang Malim Dewa dan isteri sangat rindu akan anakanda mereka yang hilang itu. Pada hari itulah baginda baru keluar bersemayam di atas takhta kerajaan. Baginda mendengar bunyi semboyan sebanyak tiga das di Kuala Bandar Muar. Baginda bertanya*

*kepada menteri dan hulubalangnya tentang semboyan yang berbunyi sebanyak tiga das itu. Baginda juga memerintahkan mereka pergi melihatnya.*

### **Contoh 2: Jawapan dalam bentuk ulasan/laporan**

Calon-calon harus berhati-hati semasa menulis jawapan mereka supaya jawapan yang ditulis itu tidak menjadi bentuk ulasan atau laporan. Jawapan yang berbentuk ulasan/laporan dianggap terpesong daripada bentuk tugas yang sepatutnya dan bersalahan dengan skema yang ditetapkan.

HATTA PADA SUATU HARI, SULTAN ABDUL JALIL SYAH BERADU SIANG HARI. MAKA DATANG ORANG PERSEMBAH NANGKA.

### **Cadangan jawapan dalam bentuk prosa**

*Pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil Syah beradu pada waktu siang. Seseorang datang untuk mempersembahkan sebiji nangka.*

### **Jawapan dalam bentuk ulasan**

Kemudian pada suatu hari, Sultan Abdul Jalil Syah beradu pada siang hari. Ketika baginda sedang beradu, datang seseorang mempersembahkan nangka.

## **4.2.2 Prosa Moden**

Teks prosa moden terdiri daripada petikan cerpen, novel, atau drama. Petikan yang dikemukakan mengandungi dialog watak-watak yang terdapat dalam cerita tersebut. Konsep tugas bagi bentuk soalan ini adalah menukarkan bentuk cakap ajuk (dialog) tersebut ke bentuk cakap pindah (karangan biasa) dengan mengekalkan kandungan asal cerita tersebut. Secara umumnya, jawapan calon harus ditulis dengan menggunakan ayat penyata.

Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian oleh calon dalam tugas ini ialah tanda baca seperti pembuka dan penutup kata, tanda seru, tanda tanya, dan sebagainya. Selain itu, dari segi kata, calon-calon perlu menukarkan kata seru ke bentuk maksudnya (contoh: *amboi* – kagum, *cis* – marah, *wah* – terkejut). Kesalahan bahasa yang terdapat dalam ayat asal juga perlu diperbetul.

**Contoh tugas:**

a) "Bila kau balik?"

*Lebai Saat menanyakan / bertanya kepada Haji Mihad masa beliau balik ke kampung itu.*

b) "Malam tadi. Lebai dari mana?"

*Haji Mihad memberitahu Lebai bahawa ia baru balik pada malam sebelumnya. Haji Mihad pula menanyakan tempat datangnya Lebai Saat.*

### 4.2.3 Teks Puisi

Bentuk puisi yang dikemukakan dalam soalan terdiri daripada puisi Melayu moden (sajak) dan puisi Melayu lama (syair). Untuk melakukan tugas ini, calon-calon hendaklah mematuhi panduan berikut:

- (a) Memahami keseluruhan isi puisi dan maksudnya yang tersurat
- (b) Puisi terdiri daripada baris-baris ayat yang telah lengkap atau tergantung. Sekiranya tergantung, calon hendaklah menyambung menjadi ayat yang lengkap dan gramatis (penggunaan penanda wacana/kata hubung yang tepat dan sesuai)
- (c) Penggunaan kata ganti nama dalam puisi seperti *aku*, *kami* dan *kita* hendaklah digantikan: *aku - penyair/penyajak*, *kami – mereka*
- (d) Kebiasaannya bahasa puisi mempunyai penyimpangan bahasa dan tidak gramatis. Oleh itu, calon perlu menulis semula dengan bahasa yang lengkap dan gramatis; **setiap ayat mengandungi subjek dan predikat** – pastikan segala hukum **nahu bahasa Melayu dipatuhi**.
- (e) Kata-kata klitik/singkat/unsur sinkof seperti *tak*, *nak*, *mau*, *tika*, *mentari* dan sebagainya perlu ditukar kepada kata asal (penuh).
- (f) Puisi juga tidak mementingkan penggunaan tanda baca – calon perlu peka dengan penggunaan tanda baca seperti koma, noktah dan sebagainya.
- (g) Kata-kata puitis/klasik/arkaik yang jarang/tidak digunakan dalam bahasa biasa hendaklah ditukar ke bentuk bahasa biasa: *petaka – bencana*,

Contoh alih bentuk bahasa:

**Gadis Kecil**

Tubuh itu mengingatkan daku  
sebatang pinang di desa sepi  
kurus dan tinggi  
Ketika ribut besar  
pohon sekitarnya rebah terkapar  
dan pohon pinang tegak menanti  
sinar matahari pagi.

Demikianlah gadis kecil itu  
kurus dan tinggi seperti sebatang pinang  
bertahun berulang-alik melalui  
penjara kawat duri, menemui  
ayahnya yang bertahun pula sendiri  
tabah dan beriman.

[STPM 2003]

<b>Ayat asal</b>	<b>Ayat lengkap</b>
Tubuh itu mengingatkan daku	<i>Tubuh gadis itu mengingatkan penulis</i>
sebatang pinang di desa sepi	<i>kepada sebatang pokok pinang yang kurus dan tinggi di sebuah desa yang sepi.</i>
kurus dan tinggi	
Ketika ribut besar	<i>Ketika ribut kencang melanda,</i>
pohon sekitarnya rebah terkapar	<i>Pokok-pokok yang berada di sekeliling/di sekitar pokok pinang itu tumbang</i>
dan pohon pinang tegak menanti	<i>tetapi pokok pinang itu masih tegak berdiri</i>
sinar matahari pagi.	<i>menunggu sinaran matahari pagi.</i>
Demikianlah gadis kecil itu	<i>Begitulah halnya dengan gadis kecil</i>
kurus dan tinggi seperti sebatang pinang	<i>yang bertubuh kurus dan tinggi seperti sebatang pokok pinang itu.</i>
bertahun berulang-alik melalui	<i>Sudah bertahun-tahun dia berulang-alik ke</i>
penjara kawat duri, menemui	<i>penjara berkawat duri untuk menemui</i>
ayahnya yang bertahun pula sendiri	<i>ayahnya yang sudah bertahun-tahun bersendirian</i>
menentang tiap penderitaan	<i>menghadapi setiap penderitaan</i>
tabah dan beriman.	<i>dengan penuh ketabahan dan keimanan.</i>

**4.2.4 Teks Undang-undang**

Teks laras undang-undang terdiri daripada petikan teks klasik dan moden. Bentuk teks yang boleh menjadi soalan adalah seperti Hukum Kanun Melaka, notis saman, notis kebangkrapan, perlembagaan, dan sebagainya. Beberapa perkara perlu diberi perhatian semasa melaksanakan tugas ini:

- (a) Struktur ayat dalam laras undang-undang biasanya ringkas dan tergantung atau terlalu panjang dan berbelit-belit – calon perlu memahami keseluruhan maksud ayat, kemudian membina ayat sendiri tanpa menjejaskan maksud asal teks.

(b) Istilah perundangan dan kod-kod perundangan hendaklah dikekalkan.

**BAHAGIAN IV : KEANGGOTAAN**

11. Permohonan menjadi anggota hendaklah dengan mengisi borang rasmi koperasi ini dan dialamatkan kepada Setiausaha.
12. ( 1 ) Tiap-tiap permohonan menjadi anggota di bawah undang-undang kecil 10(1)(a) hendaklah disertakan dengan fee masuk sebanyak sepuluh ringgit. Fee masuk ini menurut perenggan 50 (a) Akta, akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.  
( 2 ) Penama atau wakil yang sah, menurut seksyen 24 Akta, kepada anggota yang mati, jika layak menurut undang-undang kecil 10(1)(a) memohon untuk menjadi anggota dalam masa tiga bulan selepas kematian anggota itu, tidak dikenakan fee masuk.

**Jawapan dalam bentuk prosa**

*Perkara 12(1) menyatakan bahawa tiap-tiap permohonan untuk menjadi anggota mengikut undang-undang kecil 10(1)(a) mestilah disertakan dengan bayaran masuk sebanyak sepuluh ringgit.*

*Mengikut perenggan 50(a) Akta, bayaran masuk akan dikembalikan kepada pemohon jika permohonannya ditolak oleh Lembaga.*

**ANALISIS SOALAN STPM (BAHAGIAN D) TAHUN-TAHUN LEPAS**

TAHUN	TEKS
2000	Cerpen dan sajak
2001	Cerpen dan iklan
2002	Drama dan cerpen
2003	Sajak dan iklan
2004	Cerpen dan sajak
2005	Klasik dan cerpen
2006	Dialog/ Drama dan iklan
2007	Cerpen dan dialog
2008	Undang-undang dan klasik

**5.0 BAHAGIAN D: ANALISIS KESALAHAN BAHASA**

Pada bahagian ini, calon-calon harus menyelesaikan tiga (3) tugas, iaitu:

- i. mengenal pasti kesalahan dalam ayat
- ii. menganalisis dan memberikan sebab-sebab kesalahan
- iii. membetulkan kesalahan tersebut

Penilaian analisis kesalahan bahasa berasaskan:

a) pengenalpastian kesalahan

- b) ketepatan dan kewajaran analisis – ‘tepat’ dan ‘wajar’ yang dimaksudkan ialah jawapan sebab/alasan yang diberikan oleh calon seharusnya benar-benar menepati hukum nahu dan tatabahasa bahasa Melayu. Sebab kesalahan yang diberikan itu juga mestilah berdasarkan ilmu nahu dan tatabahasa seperti yang dipelajari calon dalam Kertas 1 Bahasa Melayu STPM
- c) ketepatan pembetulan
- k Peruntukan markah bagi bahagian ini ialah 15 markah  
P Masa yang dicadangkan bagi menjawab soalan ini ialah 30 minit.  
M Kelemahan ketara yang sering dilakukan oleh calon pada bahagian ini ialah:
- i. tidak menjawab bahagian sebab/alasan;
  - ii. memberikan jawapan sebab/alasan kesalahan bahasa yang tidak jelas dan sesuai dengan rumus atau hukum tatabahasa atau langsung tidak menyatakan rumus/hukum tatabahasa bagi kesalahan tersebut;
  - iii. tidak dapat mengenal pasti rumus tatabahasa dengan tepat;
  - iv. menyalin keseluruhan ayat yang mengandungi kesalahan tanpa menandakan kesalahan tersebut atau menggariskan kata atau frasa yang bukan merujuk kesalahan sebenar dalam ayat;
  - v. menulis aspek kesalahan dengan tepat tetapi pernyataan sebab/alasan dan pembetulan tidak merujuk kesalahan yang sebenar. Akibatnya markah tidak akan diberi pada semua bahagian tugas walaupun aspek kesalahan yang ditulis adalah betul.
- d Pembahagian markah yang diperuntukkan ialah 1 markah bagi setiap tugas, iaitu 1 markah pernyataan kesalahan, 1 markah pernyataan sebab kesalahan, dan 1 markah pembetulan (3 markah bagi setiap kesalahan)
- m Aspek kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan yang diberi meliputi morfologi (ejaan, tanda baca, kosa kata, imbuhan dan golongan kata) dan aspek sintaksis (frasa dan klausa/ayat/struktur ayat).

Cara menulis jawapan bahagian *Kesalahan*:

Aspek kesalahan	Cara penulisan
Ejaan/kosa kata/imbuhan/mekanis	Perkataan yang terdapat kesalahan
Frasa	Frasa yang salah (jangan salin ayat)
Klausa	Keseluruhan klausa/ayat
Struktur	Bahagian struktur yang salah

Catatan tambahan:

- Jawapan calon boleh ditulis dalam bentuk jadual atau bentuk lain, misalnya menyalin semula ayat (calon digalakkan menjawab soalan dalam bentuk jadual).
- Jika calon menulis jawapan dalam bentuk ayat dan menggariskan kesalahan, pemeriksaan akan merujuk kepada perkataan yang digaris (Oleh itu, jangan menggariskan jawapan anda !)
- Setiap jawapan yang betul – diberi 1 markah.
- Jika terdapat kesalahan ejaan, tiada potongan markah (hanya ditanda bulat)
- Alasan yang diberikan mestilah merujuk kepada kesalahan, bukannya pembetulan.
- Alasan mestilah menyebut jenis/golongan perkataan yang dianggap salah itu.
- Jika calon menulis kesalahan yang betul tetapi pembetulannya tidak bermaksud membetulkan kesalahan, sebaliknya calon membetulkan perkara lain, markah tidak akan diberikan untuk kedua-duanya.
- Walau bagaimanapun, jika kesalahan yang dikenal pasti itu betul tetapi pembetulan yang dirujuk kepada kesalahan itu salah, markah akan diberi kepada kesalahan sahaja.

## KESALAHAN MORFOLOGI

### a) Aspek Ejaan

Dalam aspek ini, calon-calon seharusnya perlu maklum bahawa sistem ejaan bahasa Melayu adalah berdasarkan sistem keselarasan vokal (18 bentuk). Walau bagaimanapun, hukum ini dikecualikan untuk kosa kata pinjaman, seperti bahasa Jawa dan Inggeris. Sebagai contoh lihat jadual di bawah:

Ejaan kata pinjaman	Hukum Keselarasan Vokal BM	Ejaan mengikut hukum keselarasan vokal BM
lakon	a – u	lakun
tulen	u – i	tulin
pamer	a – i	pamir
perabot	a – u	perabut

Contoh kesalahan penggunaan dan cara menjawab bagi kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1	perabut	Kesalahan ejaan: kata pinjaman dikecualikan daripada sistem pola keselarasan ejaan	perabot
2	pamiran	Ejaan bagi kata pinjaman dikecualikan daripada mematuhi sistem keselarasan vokal bahasa Melayu 'a – i'	pameran

Selain itu, pengejaan kata majmuk juga perlu diberi perhatian oleh calon. Umumnya, bentuk pengejaan kata majmuk terbahagi kepada dua, iaitu ejaan dengan satu perkataan dan ejaan dengan dua perkataan. Bagi kata majmuk yang dieja dengan satu perkataan, kata-kata tersebut telah ditetapkan, iaitu disebut sebagai **kata majmuk ejaan mantap** yang mempunyai 15 kata kesemuanya. Kata majmuk tersebut ialah:

antarabangsa	setiausaha
beritahu	sukarela
bumiputera	suruhanjaya
jawatankuasa	tandatangan
kakitangan	tanggungjawab
kerjasama	warganegara
olahraga	pesuruhjaya
matahari	

Kata majmuk selain yang dinyatakan di atas perlu dieja secara terpisah. Untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci, sila rujuk *Tatabahasa Dewan*. Contoh bentuk kesalahan dan cara menjawabnya adalah seperti berikut:

Bil	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1	bandaraya/jalanraya/ samada	Kesalahan ejaan: kata 'bandaraya' bukan <u>kata majmuk yang telah mantap</u> . Oleh itu, kata tersebut perlu dieja terpisah	bandar raya / jalan raya / sama ada
2	tanda tangan	Kesalahan ejaan kata majmuk. <u>Kata majmuk ejaan mantap</u> perlu dieja dengan satu perkataan	tandatangan

#### b) Aspek Imbuhan

Aspek pengimbuhan dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu awalan, akhiran, sisipan, dan apitan. Cara-cara menjawab soalan yang mengandungi kesalahan bentuk ini adalah seperti berikut:

Bil	Kesalahan	Sebab kesalahan	Pembetulan
1	perabut	Kesalahan ejaan: kata pinjaman dikecualikan daripada hukum pola keselarasan ejaan	perabot
2	Bahasa Melayu	Kesalahan ejaan: kata 'bahasa'	bahasa Melayu

		bukan kata nama khas. Oleh itu, mesti dieja dengan huruf kecil	
3	anti-sosial	Kesalahan ejaan: imbuhan pinjaman perlu dieja bercantum dengan kata nama am	antisosial
4	merbahaya	Kesalahan imbuhan: tiada imbuhan 'mer-' dalam bahasa Melayu	berbahaya
5	memperindahkan	i. Bagi kata dasar yang terdiri daripada kata adjektif, penggunaan awalan memper-sudah memadai untuk maksud 'menjadikan lebih'. ii. Penggunaan memper-...-kan adalah lewah	memperindah

c) Aspek Golongan Kata

Golongan kata dalam bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu:

i. Kata Nama


Kata nama terbahagi kepada dua, iaitu kata nama khas dan kata nama am. Calon seharusnya peka dengan klasifikasi kata nama ini serta cara pengejaannya. Misalnya, bagi kata nama khas, huruf besar mestilah digunakan pada pangkal kata tetapi kata nama am sebaliknya.

Contoh:

Kata nama khas	Kata nama am
Abdullah	orang
Sang Kancil	binatang
<i>Kata Kerja</i>	bangunan
Wisma Yamud	kebaikan


ii. Kata Kerja

Pembahagian kata kerja dalam bahasa Melayu adalah seperti berikut.



Hukum/peraturan ini perlu dinyatakan dengan jelas dan tepat oleh calon semasa memberikan sebab kesalahan bagi setiap tugas yang diberi. Contohnya:

Kesalahan	Sebab / alasan	Pembetulan
Golongan ini mengharapkan kepada	<i>Kata ke...</i> 'mengha... <i>objek (kata nama)</i>	Golongan ini <b>mengharapkan pihak kerajaan</b>



Setiap golongan kata yang menjadi permasalahan dalam soalan yang diberi perlu dinyatakan namanya atau subgolongannya dalam jawapan sebab atau alasan. Hal ini demikian kerana, pernyataan nama golongan atau subgolongan kata tugas inilah yang menjadi teras jawapan sebab dan alasan, di samping hukum penggunaan kata tugas tersebut. Lihat contoh berikut:

Bil	Kesalahan	Sebab / alasan	Pembetulan
1	...badannya bukan besar	salah penggunaan <u>kata nafi</u>	...badannya <b>tidak</b> besar


	sangat	'bukan' di hadapan frasa adjektif 'besar'.	sangat.
2	adalah sekolah	<u>Kata pemerli</u> 'adalah' hanya digunakan di hadapan predikat frasa sendi nama atau frasa adjektif, bukan frasa nama.	<b>ialah</b> sekolah
3	setiap orang pekerja	<u>Kata bilangan pisahan</u> 'setiap' tidak perlu diikuti oleh penjodoh bilangan	<b>setiap pekerja</b>
4	di ketika	<u>Kata sendi</u> 'di' tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menerangkan waktu atau zaman	<b>pada</b> ketika
5	...tertangkapnya beberapa penjenayah	penjodoh bilangan mesti digunakan selepas <u>kata bilangan</u> tak tentu 'beberapa'	...tertangkapnya beberapa <b>orang</b> penjenayah...

### KESALAHAN SINTAKSIS

- Kesalahan frasa
- Kesalahan klausa/ayat/struktur

Dalam aspek kesalahan sintaksis, calon-calon juga perlu memahami dan mengetahui binaan frasa dan struktur binaan pelbagai jenis ayat dalam bahasa Melayu. Frasa dalam bahasa Melayu meliputi:

- i. frasa nama
- ii. frasa kerja
- iii. frasa adjektif
- iv. frasa sendi nama



Selain itu, aspek sintaksis lain yang sering dikemukakan dalam soalan antaranya ialah:

- (a) frasa kerja
- (b) frasa nama – inti + penerang, hukum D-M
- (c) binaan ayat pasif
- (d) ayat tiada subjek / tergantung

Contoh kesalahan sintaksis:

Bil	Kesalahan	Sebab / alasan	Pembetulan
1	badan bertanggungjawab	Tiada kata hubung relatif untuk membentuk klausa yang berfungsi sebagai frasa penerang kata nama	badan <b>yang</b> bertanggungjawab
2	penonton yang mana berada	Penggunaan 'yang mana' sebagai kata hubung tidak menepati tatabahasa bahasa Melayu kerana strukturnya ialah ayat bahasa Inggeris	penonton <b>yang berada</b>
3	yang negara kita miliki	Kesalahan struktur ayat pasif dengan kata ganti nama ketiga. Kata kerja 'miliki' perlu didahului dengan imbuhan 'di-	yang <b>dimiliki oleh</b> negara kita
4	persembahan yang kami dapat saksikan	Tidak menepati binaan ayat pasif kata ganti nama diri pertama	persembahan yang <b>dapat kami saksikan</b>
5	Manakala para pelajar	Ayat tergantung. Kata hubung gabungan 'manakala' berfungsi untuk menghubungkan dua ayat yang tidak setara. Oleh itu, ayat ini perlu didahului oleh subjek.	...dalam peperiksaan, <b>manakala</b> para pelajar
6	Selain itu, dalam kempen ini...	Ayat tiada subjek. Selepas penanda wacana perlu diikuti oleh subjek ayat.	Selain itu, <b>kempen ini...</b>

### ANALISIS JSU BAHAGIAN D

Tahun	Jenis Kesalahan
2001	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tanda baca</li> <li>▪ Sendi nama</li> <li>▪ Kata kerja transitif aktif</li> <li>▪ Ejaan kata pinjaman</li> <li>▪ Kata ganda</li> <li>▪ Kata penegas</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemilihan diksi</li> </ul>
2002	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sendi nama</li> <li>▪ Kata majmuk</li> <li>▪ Kata bilangan</li> <li>▪ Kata pemer</li> <li>▪ Penggunaan akhiran ...-i bagi kata ganti diri ketiga dalam ayat pasif</li> </ul>
2003	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sendi nama</li> <li>▪ Penggunaan kata ganti diri ketiga dalam ayat pasif</li> <li>▪ Kata bilangan</li> <li>▪ Kata kerja transitif aktif</li> <li>▪ Kata bilangan pisahan</li> </ul>
2004	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kata bilangan</li> <li>▪ Kesalahan ayat</li> <li>▪ Penggunaan kata ganti diri ketiga dalam ayat pasif</li> <li>▪ Penggunaan imbuhan `memper...kan' bagi kata adjektif</li> <li>▪ Ejaan kata pinjaman</li> </ul>
2005	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kata hubung komplemen</li> <li>▪ Kata pemer</li> <li>▪ Kata sendi nama</li> <li>▪ Penggunaan akhiran ...i untuk kata ganti diri ketiga dalam ayat pasif</li> <li>▪ Kata kerja transitif</li> </ul>
2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kata hubung komplemen</li> <li>▪ Kata kerja transitif aktif</li> <li>▪ Ejaan imbuhan awalan pinjaman</li> <li>▪ Penggunaan kata hubung</li> <li>▪ Kata hubung pancangan relatif</li> <li>▪ Kata bilangan</li> </ul>
2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kata hubung pancangan relatif</li> <li>▪ Kata nafi</li> <li>▪ Kata tanya digunakan sebagai kata hubung</li> <li>▪ Binaan ayat pasif yang menggunakan kata ganti diri pertama</li> <li>▪ Kata seru</li> </ul>
2008	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hukum D-M</li> <li>▪ Kata hubung yang bermaksud kekecualian</li> <li>▪ Kata hubung keterangan cara</li> <li>▪ Alomorf(imbuhan) bagi perkataan satu suku kata</li> <li>▪ Kesalahan ayat( ayat tergantung)</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kata bilangan tak tentu</li> <li>▪ Kata kerja transitif</li> </ul>
2009	

### Contoh soalan (2005)

Malaysia perlu berusaha menjadikan konsep “ masyarakat berfikir “ sebagai suatu agenda penting dalam pembangunan bangsa dan pembinaan negara. “ Masyarakat berfikir “ adalah asas penting bagi mencorakkan perubahan masyarakat maju di abad ke-21. Kemajuan material dan ekonomi yang negara kita miliki sepatutnya merintis perubahan yang lebih dinamis ke arah melahirkan masyarakat berfikir. Masyarakat berfikir ialah masyarakat yang berwibawa, produktif, berfikiran jauh , optimistik pada perubahan , bersifat demokratik, dan dapat membina serta mempertahankan nilai-nilai yang menjamin kesejahteraan anggota masyarakatnya. Masyarakat yang mempunyai tahap berfikir yang rendah merupakan masyarakat yang tidak mempunyai daya kekuatan, daya ketahanan psikologi, dan tidak dapat menentukan haluan perubahan untuk membangun, menghadapi cabaran, dan merintis kepada perubahan.

### Skema jawapan

Malaysia perlu berusaha menjadikan konsep “masyarakat berfikir“ sebagai suatu agenda penting dalam pembangunan bangsa dan pembinaan negara. “Masyarakat berfikir“ **adalah asas** penting bagi mencorakkan perubahan masyarakat maju **di abad** ke-21. Kemajuan material dan ekonomi **yang negara kita miliki** sepatutnya merintis perubahan yang lebih dinamis ke arah melahirkan masyarakat berfikir. Masyarakat berfikir ialah masyarakat yang berwibawa, produktif, berfikiran jauh , **optimistik pada perubahan** , bersifat demokratik, dan dapat membina serta mempertahankan nilai-nilai yang menjamin kesejahteraan anggota masyarakatnya. Masyarakat yang mempunyai tahap berfikir yang rendah merupakan masyarakat yang tidak mempunyai daya kekuatan, daya ketahanan psikologi, dan tidak dapat menentukan haluan perubahan untuk membangun, menghadapi cabaran, dan **merintis kepada perubahan.**

### Contoh jawapan

Bil	Kesalahan	Sebab	Pembetulan	Markah
1.	Berusaha menjadikan	Tiada kata hubung komplemen dalam ayat	Berusaha untuk menjadikan	1 m

		majmuk komplemen		
2.	Adalah asas	Salah penggunaan kata pemer. Kata pemer “adalah” digunakan jika predikatnya terdiri daripada frasa adjektif atau frasa sendi nama	ialah asas	1 m
3.	di abad	Kata sendi nama “ di” digunakan untuk merujuk tempat dan ruang konkrit, sedangkan abad merujuk masa.	Pada abad	1 m
4.	yang negara kita miliki	Menyalahi struktur ayat pasif jenis kata ganti diri orang ketiga	yang dimiliki oleh negara kita	1 m
5.	optimistik pada perubahan	Penggunaan sendi nama ‘pada’ tidak tepat kerana ‘Pada’ digunakan untuk merujuk masa dan tempat.	optimistik kepada perubahan	1 m
6.	Merintis kepada	Kata kerja aktif transitif “merintis” tidak boleh diikuti oleh kata sendi nama, tetapi mesti diikuti oleh objek.	Merintis perubahan	1m